

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III

Bil.28

Hari Khamis

4 Disember 1997

K A N D U N G A N

MENGGANGKAT SUMPAH

-Yang Berhormat Datuk Norjan binti Khan Bahadar

(Ruangan)

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Mengalu-alukan Ahli Baru

(Ruangan)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG

- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997

(Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
Mesyuarat Kedua
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 4 Disember 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

1. Y.B. Datuk Norjan binti Khan Bahadar.

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang baru dilantik itu dapat memberi sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PENTADBIRAN AWAM DAN SWASTA -
UKURAN KEBERKESANAN**

1. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan ukuran keberkesanan dari segi kualiti dan produktiviti pentadbiran awam dan swasta serta langkah-langkah bagi memastikan pengguna kemudahan peralatan terkini secara optimum dan mengelak pembaziran.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ukuran keberkesanan sesuatu organisasi bergantung kepada sejauh mana objektif sesuatu program atau aktiviti itu dapat dicapai. Ukuran ini harus mengambil kira tentang kehendak pelanggan serta perbandingan di antara quantity output yang sebenar dihasilkan dengan quantity output yang menjadi matlamat sesebuah organisasi.

Sekiranya output yang dihasilkan itu adalah menyamai objektif yang ditetapkan, maka organisasi berkenaan dikatakan berkesan. Dalam hal ini, piagam pelanggan menjadi salah satu alat

untuk mengukur keberkesanan organisasi. Pelanggan yang menganggap bahawa mereka tidak memperoleh perkhidmatan sepertimana yang dijanjikan oleh sesebuah organisasi kerajaan khususnya boleh membuat aduan kepada Biro Pengaduan Awam.

Bagi memastikan penggunaan kemudahan peralatan terkini secara optima dan mengelakkan pembaziran, kerajaan dari masa ke semasa mengeluarkan pekeliling dan surat-surat pekeliling sebagai panduan kepada semua agensi kerajaan dari segi penyediaan Belanjawan, tatacara perolehan, penyimpanan dan penyelenggaraan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Ketua Setiausaha Negara ada membuat kenyataan bersangkut dengan perkhidmatan awam. Saya berpendapat kalau sekiranya kerajaan menempatkan pegawai di tiap-tiap jabatan ini memudahkan orang awam untuk membuat aduan serta-merta sebab kita dapati masih banyak pegawai yang cuai tetapi mereka boleh escape, dengan izin. Jadi, ini menjadi suatu gejala menyebabkan orang lain iri hati. Apa pandangan kerajaan terhadap masalah ini?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari bahawasanya kerajaan tidak mahu memiliki pegawai-pegawai yang cuai. Sesungguhnya saya tidak tahu kenyataan mana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan kenyataan Ketua Setiausaha Negara. Tetapi biarlah saya menyatakan bahawasanya sesungguhnya kerajaan merasakan pengaduan yang dilakukan di dalam Biro Pengaduan Awam adalah cukup berkesan sekali. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1994 sebanyak 1,868 aduan dibuat, tetapi angka ini berkurangan pada tahun 1995 kepada 1,826 dan berterusan berkurangan pada 1996 kepada 1,234. Mengikut kajian kerajaan apabila disoal-selidik balik mereka, respondent yang kita soal-siasat, didapati bahawa kebanyakan sebahagian besar daripada mereka adalah berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh kerajaan. Oleh itu, sistem yang ada pada hari ini adalah dirasakan memadai. Tetapi walau bagaimanapun, sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat merasakan perlu dilakukan pengaduan kepada ketua-ketua jabatan boleh dilakukan, malahan aduan berkenaan dengan pentadbiran boleh dimajukan terus kepada Ketua Setiausaha Negara.

Dato' Eng Hoi Choo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada tahun 1980-an kerajaan telah mengenalkan sistem QCC untuk meningkatkan perkhidmatan awam. Adakah sistem itu masih diteruskan? Jika ada, bagaimana kesannya, jika tidak kenapa?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dalam istilah Bahasa Malaysia QCC ialah KMK. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih mengamalkan sistem ini, dan

didapati bahawa sistem ini banyak mendatangkan kesan yang positif. Malahan produktiviti pentadbiran kerajaan meningkat dengan nyata. Bolehlah saya nyatakan kalau kita ambil umpamanya produktiviti yang dihasilkan oleh pentadbiran kerajaan, kalau dahulunya kita ada lebih kurang 800,000 anggota kerajaan lebih kurang pada tahun 1990, tetapi pada hari ini kita ada 622,000 sahaja. Kalau kita bandingkan dengan angka yang sebenar sepatutnya pentadbiran pada hari ini ialah sebanyak 1.03 juta pentadbir untuk melaksanakan tugas-tugas yang patut dilakukan pada hari ini. Tetapi dengan hanya 622,000 anggota kerajaan, kerajaan mendapati amat berpuas hati di atas pentadbiran yang dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, kerajaan dari masa ke semasa berterusan meningkatkan kualiti, kerana kepada kerajaan *quality is not a destination*, dengan izin. *It is the direction, it is on-going process*, ianya continuous dan akan dilakukan berterusan sehingga kita mencapai tahap yang optimum di mana rakyat jelata mendapat manfaat yang sepenuhnya daripada pentadbiran kerajaan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Jika terdapat pegawai-pegawai kerajaan yang cuai ataupun yang tidak produktif ataupun ada pegawai-pegawai yang menjalankan dakyah-dakyah yang anti kerajaan, siapakah yang patut bertanggungjawab untuk mengambil tindakan, dan lazimnya apakah tindakan yang biasa diambil oleh pihak kerajaan?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, bergantung kepada kesalahan. Sesungguhnya pentadbiran ada garis panduan atau tertakluk kepada General Orders dan sebagainya. Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ada apa yang dikatakan, dengan izin, *dead wood* ataupun pegawai-pegawai yang menyeleweng, bagi pegawai-pegawai yang menyeleweng boleh dianjurkan terus, kalau di peringkat negeri, kepada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri. Kalau di pihak Pusat boleh dianjurkan terus kepada ketua-ketua jabatan ataupun Ketua Setiausaha masing-masing ataupun terus kepada KSN. Kalau tidak puas hati boleh hantar kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya, atau kalau tidak puas hati lagi boleh dihantar kepada Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, semenjak kerajaan melaksanakan SSB pada mulanya kita menjangkakan bahawasanya akan wujud lebih kurang 5% daripada kalangan pegawai-pegawai kita yang tidak cekap, yang tidak efisien. Tetapi bila kerajaan mengamalkan SSB terdapat di luar daripada jangkakan kerajaan, tidak lebih daripada 1% sahaja, malahan kurang daripada 1% merupakan pegawai kerajaan yang tidak efisien. Ini adalah ternyata di

dalam apa yang kita lakukan dalam kajian SSB. Tuan Yang di-Pertua, sistem yang ada pada hari ini pada hemat saya adalah efisien.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan saya, saya minta pindaan sedikit dalam soalan itu, iaitu selepas ‘antirejection drugs’ letak koma, dan perkataan ‘seperti kencing manis dan tekanan darah tinggi’ diganti dengan ‘ubat kencing manis dan ubat tekanan darah tinggi’.

“ANTI-REJECTION DRUGS” - KAWALAN KENAIKAN HARGA

2. **Dr. Yeow Seng Huat** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) apakah tindakan yang akan diambil untuk mengawal selia kemungkinan besar kenaikan harga perubatan berjenis ‘antirejection drugs’, seperti ubat kencing manis dan ubat tekanan darah tinggi supaya harganya kekal pada paras sekarang; dan
- (b) adakah kementerianya bercadang mengiktirafkan jenis perubatan itu sebagai perubatan kawalan dengan kerjasama pihak Kementerian Kesihatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

[Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan,

- (a) secara umumnya penetapan harga ubat-ubat, seperti juga penetapan harga bagi barang-barang lain adalah ditentukan oleh faktor pasaran. Walaupun demikian, kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan harga ubat-ubat agar ianya berada di paras yang berpatutan. Kementerian Kesihatan, umpamanya sedang dan akan meneruskan usaha-usaha untuk mengawal kenaikan harga melalui langkah-langkah berikut:-
 - (i) mengadakan sesi dialog dengan pihak industri;
 - (ii) menubuhkan suatu Jawatankuasa Senarai Ubat-ubatan Penting Kebangsaan supaya dapat menghasilkan suatu senarai ubat-ubatan penting kebangsaan dengan harga ubat-ubatan untuk pengamal-pengamal perubatan di sektor swasta dan awam;
 - (iii) menggalakkan penggunaan ubat-ubatan generik buatan tempatan yang berharga lebih murah; dan

- (iv) menggalakkan dan membantu perkembangan industri farmaseutikal tempatan termasuk menggalak syarikat multinational mengilangkan ubat-ubatan mereka secara tempatan supaya mengurangkan kos dan negara tidak terlalu bergantung kepada ubat-ubatan import.

(b) Kementerian ini tidak bercadang untuk menjadikan ubat-ubat jenis 'anti-rejection drugs' sebagai barang-barang perubatan kawalan memandangkan kawalan ke atas ubat-ubat tersebut dibuat oleh Kementerian Kesihatan melalui undang-undang yang sedia dikuatkuasakan oleh kementerian itu.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada berkaitan sebab kencing manis dan tekanan darah tinggi ada berkaitan dengan minyak. Baru-baru ini kerajaan mengumumkan harga minyak telah dinaikkan pada kadar RM3.60. Mulanya pada bulan Januari. Peniagaan-peniagaan dan pemborong-pemborong telah menggunakan harga ini pada bulan ini juga.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya?

Tuan N. Marimuthu: Sebabnya kencing manis, tekanan darah disebabkan minyak makan. *[Ketawa]* Apakah tindakan yang akan diambil untuk menangani masalah ini? Pada hari ini juga peniagaan-peniagaan kecil telah mengadu kepada saya, dia kata kepada menteri minyak mesti mahu tanya soalan ini.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan ini adalah terkeluar dari soalan yang asal. Tetapi tidak mengapalah saya jawab juga, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pasti penyakit kencing manis dan tekanan darah tinggi adalah oleh kerana makan banyak atau minum banyak minyak masak. Itu saya tidak pasti oleh kerana saya bukan seorang doktor. Tetapi inginlah saya menyatakan bahawa kerajaan tidak membenarkan kenaikan harga minyak masak kerana kita tidak mahu membebankan pengguna-pengguna atau rakyat jelata di negara kita. Oleh itu, kerajaan akan melaksanakan satu bulan harga stabilization minyak masak supaya harganya akan diwujudkan di paras yang berpatutan. Jadi, Yang Berhormat jangan bimbang sangat, harga ini akan berpatutan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita ada terbaca dalam surat khabar bahawa ada hospital-hospital swasta yang telah pun mengenakan bayaran yang tinggi kepada darah yang diterima oleh mereka yang perlu ditambah darah oleh kerana mengalami kemalangan ataupun pembedahan dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian dalam soal ini, adakah darah ini termasuk dalam kawalan dan ada harga yang ditetapkan, sebab setahu saya darah didermakan. Bagaimana pula soal keperluan darah ini dapat

diperdagangkan dan pihak swasta mengenakan bayaran yang begitu tinggi kalau mengikut laporan akhbar.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, darah bukan barang kawalan. *[Ketawa]* Harganya saya tidak tahu. Ini haruslah dirujuk kepada Kementerian Kesihatan. Yang Berhormat Dato' ada di sini.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah kilang yang didapati mengeluarkan ubat-ubat haram tiruan dan apakah ubat yang selalu ditiru yang boleh didapati di pasaran. Kalau boleh, beri nilai rampasan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu memerlukan notiskah?

Datuk Tan Chai Ho: Tidak payah, Tuan Yang di-Pertua. Saya jawab. *[Ketawa]* Mengenai ubat-ubat tiruan yang selalu dapat dipastikan adalah ubat-ubat jenama popular seperti Panadol, Eye-Mo, Vicks dan ubat batuk. Inilah yang paling popular. Kemudian kita telah mengambil tindakan dengan tegas supaya tidak ada ubat-ubat tiruan dijual di pasaran ini. Oleh itu, jabatan atau bahagian penguatkuasa kementerian ini selalu membuat pemeriksaan ke atas premis-premis yang menjual ubat dan tindakan telah pun diambil jika terdapat mereka yang menjual ubat-ubat tiruan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1 Januari sehingga 31 Oktober 1997 kementerian ini telah mengesan dan mengambil tiga tindakan kes ke atas pihak-pihak yang didapati terbabit di dalam kegiatan pembuatan ubat-ubat tiruan dengan melibatkan penyertaan ubat-ubat tiruan dan peralatan membuatnya bernilai kira-kira RM1.81 juta. Pada keseluruhan iaitu dari tahun 1990 hingga 31 Oktober 1997 kita telah ambil tindakan sebanyak 324 kes ke atas pembuatan atau penjualan ubat-ubat tiruan dan dengan hasil ubat-ubatan yang dirampas adalah RM3,276,614.

TOL LEBUHRAYA UTARA-SELATAN - HASIL PUNGUTAN

3. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa banyakkah pungutan tol yang telah diperolehi semenjak ia dikenakan dan didapati setiap tahun bilangan kereta yang menggunakan lebuhraya PLUS semakin bertambah dengan pesatnya, tetapi PLUS masih ingin terus menaikkan harga tol.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil pungutan tol bagi Lebuhraya Utara-Selatan sejak ianya diswastakan kepada PLUS Berhad, dari tahun 1988 sehingga Oktober tahun ini adalah RM3.5 bilion. Jumlah lalu lintas bagi tempoh yang sama adalah 1.393 bilion kenderaan. Perjanjian konsesi yang telah ditandatangani di antara pihak kerajaan dengan UEM Malaysia Berhad pada 18 Mac 1988

telah memperuntukkan bahawa bermula pada 1 Januari 1997 kenaikan kadar tol di Lebuhraya Utara-Selatan sebanyak 6% setahun atau mengikut indeks harga pengguna, mengikut mana yang tertinggi. Walau bagaimanapun, sebarang kenaikan tol adalah tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri sebelum ianya dilaksanakan.

Tuan Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah dimaklumkan bahawa kakitangan PLUS mendapat bonus tahun lepas 13 kali ganda dari gaji bulanan mereka. Sejauh manakah benar kenyataan ini, dan kalau ianya memang benar kenapa harga tol ini tidak boleh dikaji dan tidak payah dinaikkan?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, saya tidak ada maklumat mengenai bonus. Tetapi setahu saya selepas lebuh raya ini dilaksanakan PLUS, saya tidak berucap bagi pihak PLUS, PLUS telah pun menjalankan operasinya dengan penyelenggaraan kos operasi dengan bayaran balik pinjaman. Dalam waktu yang sama PLUS telah pun belanja berkumpul lebih daripada RM10 bilion. Kadar bayaran tol ini memang tertakluk dalam perjanjian konsesi dengan PLUS yang dibuat pada tahun 1988. Kita mengikut keadaan kerajaan semasa itu, oleh kerana kos yang tinggi bagi kita membina lebuh raya.

Yang kedua, untuk faedah rakyat kita ada juga mengambil kira keselesaan di lebuh raya, penjimatan masa perjalanan dan juga kita kira dari segi GNP, saraan hidup kita, dan kita menetapkan tol. Ini adalah satu cara di mana kita menetapkan tol dalam konsesi.

Pada waktu sekarang pihak PLUS telah bayar beberapa bonus kepada kakitangan kita tidak tahu. Tetapi kita sebenarnya tahu pihak PLUS belum lagi mengadakan keuntungan besar.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan pernah memikirkan untuk menurunkan pembayaran tol kepada satu-satu peringkat yang tertentu, maksud saya tahun-tahun tertentu kerana tol merupakan satu bebanan yang agak berat kepada pengguna.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kadar tol telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi tetapi kita telah kira juga saraan hidup dan GNP. Oleh kerana negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi, maka pihak PLUS telah pun diminta supaya tidak menaikkan tol walaupun ia diiktirafkan dalam perjanjian. Tetapi perkara ini masih di dalam rundingan antara kerajaan dengan pihak PLUS. Kenaikan tol ini kalau kita bandingkan dengan negara-negara yang membangun di sekitar negara jiran kita, tol di Malaysia adalah sangat rendah sekali.

Tuan Tan Ek Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita faham bahawa tol seharusnya kita bayar. Tetapi masalah sekarang kalau pada waktu pagi kita pergi keluar dari Subang Jaya hendak pergi ke Nilai, di sana bila kita hendak bayar tol kita mengalami kesesakan lalu lintas yang begitu rumit sekali. Saya hendak tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah traffic jam di kawasan-kawasan tempat tol dibayar. *[Ketawa]*

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, di lebuh raya kita tidak dapat pasti ada kesesakan lalu lintas, kecuali ada plaza tol di mana kita terpaksa tunggu untuk membayar tol. Tetapi yang ini tidak berlaku selalunya kecuali di satu dua tempat sahaja. Kesesakan saya ingat ianya berlaku di luar lebuh raya atau bila kita hendak keluar dari plaza tol. Walau bagaimanapun, kerajaan telah meneliti satu cara di mana tol akan dipungut melalui sistem elektronik. Pengguna tidak perlu lagi berurusan atau beratur untuk membayar tol. Ia akan terus melepasi plaza tol dengan satu central tolling system, ianya dalam perundingan.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya. Saya terperanjat katanya tol di Malaysia ini yang paling murah. Saya rasa tol kita tidaklah begitu murah. Tadi sahabat saya kata pergi di Nilai, tak usah pergi jauh, pergi ke Kuala Lumpur pun sudah cukup, lepas satu tol bayar satu tol lagi, lepas satu tol bayar lagi, tetapi sesaknya tidak habis-habis. Perjalanan antara setengah jam jadi dua jam lebih. Saya ingin tahu bilakah tol ini akan habis. *[Ketawa]* Sakit dada saya membayar tol.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, tol ini tidak akan habis, *[Ketawa]* kecuali luputnya tempoh konsesi 33 tahun biasanya. Kita telah pun berbincang mengadakan beberapa lingkaran keluar untuk lebuh raya, central link, outer link semuanya dibuat untuk mengurangkan kesesakan.

BILIK DARJAH - ANGGARAN KOS PEMBINAAN

4. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah anggaran kos belanja untuk membina satu “standard classroom” atau bilik darjah tambahan di sekolah-sekolah rendah.

Tuan Yong Khoon Seng: Kali ini bukan tol. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saiz bilik darjah piawai atau standard ialah 9 meter panjang x 7.5 meter lebar. Purata anggaran kos satu bilik darjah ialah RM30,500.00. Anggaran kos ini adalah untuk bangunan sahaja tidak termasuk kos kerja-kerja asas bangunan dan kerja infrastruktur seperti jalan masuk, bekalan air luar dan lain-lain.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah pihak kementerian sedar bahawa ada peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan kepada pembinaan sekolah dan juga pembaikan sekolah yang telah pun diberikan kepada Jabatan Kerja Raya di bawah Kementerian Kerja Raya tidak dilaksanakan. Kalau kementerian sedar apakah tindakan kementerian supaya proses-proses pembaikan dan pembinaan ini dapat dijalankan mengikut jadual?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya di tahun 1994 kerajaan telah pun memperuntukkan RM2 bilion untuk pelbagai kerja-kerja penyelenggaraan termasuk untuk bangunan-bangunan sekolah. Sampai hari ini kita telah pun tahu semua kerja telah siap. Kalau ada kes-kes spesifik silakan rujuk kepada kita.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Umum mengetahui bahawa Kementerian Pendidikan sedang rancak membuat perancangan tentang penubuhan sekolah Bestari, sesuai dengan masyarakat information, maklumat yang kita tuju. Bercakap tentang standard sekolah ini, oleh kerana Kementerian Kerja Raya buat sekolah, bolehkah kita mendapat penerangan tentang persediaan pihak kementerian menyediakan standard-standard yang tertentu untuk selaras dengan perancangan sekolah Bestari. Saya katakan ini kerana mustahak sebab banyak syarikat menengah dan rendah hendak tolong support. Jadi, kalau kita buat perancangan dari sekarang perancangan untuk mengurangkan import boleh dimulakan sekarang, bila kita tahu apa hendak buat, standardnya, bahannya dan sebagainya, perancangan untuk mengurangkan import untuk masalah ekonomi boleh dibuat sekarang, bukan hanya di saat terakhir.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Sekolah Bestari memang tidak bergantung kepada bangunan sahaja. Kita juga perlu bekalan elektrik yang standard dan berkekalan dan juga alat-alat yang lain yang akan membantu kita mengadakan sekolah Bestari. Dari segi bangunan-bangunan yang kita sedia ada adalah standard, memang cukup standard, JKR ada standard.

BAHAN BINAAN TEMPATAN - KENAIKAN HARGA

5. **Tuan Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan jumlah dan perbezaan kenaikan harga 10 bahan binaan utama tempatan serta apakah strategi kawalan kementerian terhadap bahan pembinaan import.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, secara purata harga beberapa bahan binaan dalam pasaran tempatan telah meningkat antara 5% hingga 30%. Kenaikan ini disebabkan oleh kenaikan bahan-bahan mentah atau bahan binaan tersebut yang diimport. Antara bahan binaan yang meningkat harganya ialah:

Bahan Binaan	Peningkatan
Barangan aluminium	30%
Semua jenis cat	10%
Minyak Butimen untuk Premix	28%
Besi	15%
Atap metal	15%
Pintu	20%
Jubin	5%
Batu marmar	5%.

Tuan Yang di-Pertua, barangan yang disebutkan sebentar tadi adalah barangan-barangan yang tidak termasuk dalam senarai barangan yang dikawal harganya oleh kementerian ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahan-bahan binaan yang dikawal oleh kementerian ini hanya besi dan simen yang mana penjualan barangan tersebut memerlukan lesen borong dan runcit dari kementerian ini selaras dengan peraturan Akta Kawalan Bekalan 1961. Namun begitu, kementerian tetap mengawasi harga bahan binaan import ini bagi mengesan impak yang akan berlaku ke atas industri berkenaan.

Pada masa yang sama kementerian ini dengan kerjasama Persatuan Pengedar Bahan-bahan Binaan Malaysia akan menganjurkan pameran bahan-bahan binaan keluaran tempatan dengan tujuan menggalakkan syarikat-syarikat pembinaan menggunakan bahan-bahan binaan keluaran tempatan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan, kita dimaklumkan daripada yang disebut tadi dua adalah barangan kawalan. Adakah lain-lain tidak boleh dijadikan barang kawalan. Kalau tidak, apakah sebabnya tidak boleh dijadikan?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, besi dan simen adalah diisytiharkan barang-barang kawalan oleh kerana barang-barang ini adalah keperluan untuk pembinaan. Yang lainnya memanglah bukan barang binaan utama. Jadi, kementerian ini selalu mengkaji dari masa ke semasa kalau barang-barang lain perlu dijadikan barang-barang kawalan atau barang kawalan harga, kementerian akan membuat keputusan.

**MAJISTRET DAN PEGAWAI UNDANG-UNDANG -
PENGALIRAN KELUAR**

6. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan pengaliran keluar majistret dan pegawai undang-undang dari sektor awam ke sektor swasta makin bertambah:-

- (a) adakah keadaan ini disebabkan skim gaji dan lain-lain faedah yang dilaksanakan pada masa ini tidak memuaskan; dan
- (b) dapatkah Yang Amat Berhormat memberi maklumat-maklumat yang lebih terperinci tentang skim gaji dan perletakan jawatan majistret dan pegawai undang-undang sejak tiga tahun yang lepas.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pengaliran keluar majistret dan pegawai undang-undang dari sektor awam ke swasta sebagaimana juga yang berlaku pada perkhidmatan yang lain seperti pegawai perubatan, jurutera dan akauntan adalah disebabkan oleh tawaran gaji yang lebih tinggi dalam sektor swasta. Gaji dan lain-lain faedah perkhidmatan bagi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut telah pun diperbaiki di bawah SSB, tetapi pengaliran keluar masih berlaku. Keadaan ini tidak dapat dielakkan dan kerajaan tidak mampu menaikkan paras gaji ke tahap yang menyamai paras gaji sektor swasta.
- (b) Skim perkhidmatan Pegawai Undang-undang (termasuk Majistret) tergolong dalam Klasifikasi Perundangan di bawah SSB. Terdapat tiga lapisan gred di bawah skim ini, iaitu Gred L3, L2 dan L1. Pada masa ini nisbah kenaikan pangkat dari Gred L3 ke Gred L2 ialah 1:2.5 dan dari Gred L2 ke Gred L1 ialah 1:1.2. Sesungguhnya, peluang kenaikan pangkat ini adalah di antara yang terbaik dalam perkhidmatan kerajaan.

Dari segi perletakan jawatan Pegawai Undang-undang sejak tiga tahun yang lepas kedudukannya adalah seperti berikut:

Tahun	Perletakan jawatan Pegawai Undang-undang
1995	8 orang
1996	27 orang
1997 (sehingga Oktober)	<u>25 orang</u>
Jumlah:	<u>60 orang</u>

Jumlah kesemuanya 60 orang, yang mana daripada 60 orang ini 48 adalah dari kategori L3. Adalah diperhatikan bahawa sebilangan besar pegawai undang-undang yang meletakkan jawatan adalah di kalangan yang terbawah dan mereka lebih cenderung untuk bekerja dengan pihak swasta kerana gaji yang ditawarkan lebih tinggi berbanding dengan apa yang mereka perolehi dalam perkhidmatan kerajaan di peringkat Gred L3.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan keadaan perkhidmatan Majistret di Session Court dan juga akhir-akhir ini amat ketara di negara ini, adakah kerajaan mencadangkan dan mengkaji untuk mengadakan majistret-majistret sambil ataupun dengan izin, part-time kepada kelulusan-kelulusan undang-undang yang telah pun bersara dan yang tidak pun bekerja secara sepenuh masa dalam jabatan ataupun dalam perniagaan, seperti misalnya Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, dia seorang peguam, kemungkinan dia boleh jadi majistret sementara ataupun seperti saya ini kalau beri part-time saya ambil. Jadi, adakah pihak kerajaan mengkaji kerana ramai yang berkelulusan undang-undang yang suka berkhidmat kepada negara termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat hari ini belum lagi ada cadangan yang sedemikian. Kita ada kajian yang sedang dijalankan oleh pihak yang berwajib untuk melihat sama ada galakan atau insentif boleh diperbaiki dan ini adalah dalam kajian pihak jabatan yang berkenaan. Tetapi di atas cadangan Yang Berhormat, belum lagi kita ada kajian sedemikian, kerana saya tidak tahulah dan saya rasa curiga juga kalaulah benar kata Yang Berhormat Dato' Zuki itu ada ramai lagi tenaga yang berminat. Biasa saya difahamkan mereka memperolehi ganjaran yang lebih lumayan di peringkat private sector, dengan izin. Saya tidak percaya bahawasanya mereka mahu menduduki balik on the bench, dengan izin, dengan tawaran yang begitu rendah. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat itu boleh saya ketengahkan kepada pihak yang berkenaan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ada yang setengah-setengah itu tidak payah bayar gaji dan elaun pun tetapi dia suka berkhidmat. *[Ketawa]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pihak kerajaan memaklumkan ada sebilangan telah meletakkan jawatan dalam semua bidang perundangan. Adakah biasanya perletakan jawatan ini di atas dasar dinasihatkan oleh kerajaan. Kalau ada, apakah kemungkinan-kemungkinan perilaku terhadap perletakan jawatan itu?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat point yang pertama. Tetapi kalau mengikut fahaman saya, saya sudah terangkan tadi, perletakan mereka ini di atas, dengan izin, on their own free will, tidak didesak oleh mana-mana golongan. Tetapi kalau dari segi hakim-hakim yang menyalah etika masing-masing, ada sistem kita yang boleh menyemak perkara itu daripada berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kenyataan daripada Yang Berhormat Dato' Zuki, kalau benarlah katakan ramai macam Dato' Zuki, saya rasa negara Malaysia ini adalah satu negara yang amat makmur. Saya ingat kita harus beri satu penghormatan kepada cadangan Dato' Zuki. *[Tepuk]*

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah dengan perletakan jawtan majistret dan pegawai undang-undang sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, setakat ini sejauh manakah telah menjejaskan pentadbiran undang-undang di perhakiman dan juga di Jabatan Undang-undang?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah seorang daripada jurusan undang-undang tetapi apa yang saya memahami ialah Tuan Yang di-Pertua lebih arif dari saya, justice delayed is justice denied, dengan izin. Saya percaya kita telah mendengar bahawasanya banyak kes di dalam Mahkamah-mahkamah Majistret, Sesyen dan sebagainya menghadapi permasalahan kadang-kadang di atas sebab kekurangan tenaga kepakaran undang-undang di pihak kerajaan. Jadi, saya kira walaupun seseorang itu menerima kelewatan satu hari seperti maxim tadi, justice delayed is justice denied saya rasa ianya tidak adil kepada pihak penerima. Dari segi kerajaan memang kita berasa bimbang dan kita berasa prihatin terhadap permasalahan ini. Tetapi kata pepatah Melayu 'apakan daya hasrat hati hendak peluk gunung tetapi tangan tak sampai'.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, munasabah atau tidak soalan saya di sini apakah pihak kerajaan boleh membuat sesuatu perancangan awal bagi menyelaraskan semua pegawai profesional dan mencari suatu kaedah baru bagi menyelaraskan pembayaran gaji di antara jabatan kerajaan dan pihak swasta. Kalau tidak sama pun hampir-hampir sama. kerana kita bimbang masa depan negara kita kalau tidak ditahankan dari segi skim gaji yang begitu semua pegawai kerajaan yang mempunyai potensi yang baik akan lari kepada pihak swasta.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mana ada soalan daripada Yang Berhormat yang tidak munasabah, saya percaya cukup munasabah, soalan itu baik. Tuan Yang di-Pertua, memanglah kalau boleh, hasrat kerajaan hendak samakan. Sesungguhnya, mereka yang

memberi perkhidmatan dalam kerajaan dan juga dalam swasta signifikannya, kepentingannya kepada negara adalah lebih kurang sama, sama ada swasta ataupun kerajaan. Tetapi kerajaan tidak mampu kerana swasta tertakluk kepada skim mereka masing-masing, dan kerajaan tidak ada hasrat untuk menyekat tangga gaji di kalangan swasta hanya kerana kita hendak menyamakan tangga gaji pegawai-pegawai kerajaan.

Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan di pihak swasta walaupun kadang-kadang gajinya tinggi, tetapi bak kata orang 'high salary high risk'. Di jabatan kerajaan mungkin low salary tetapi low risk. Hari ini kalau tanya saya dengan kejatuhan ekonomi, krisis ekonomi, sekarang sudah ramai kita tengok mereka dalam pihak swasta sudah merasakan gusar dan bimbang terhadap karier masing-masing. Kadang-kadang ada di antara mereka had wish, dengan izin, yang mereka duduk dalam kerajaan. Macam saya sekarang saya merasa cukup seronok gaji tiap-tiap bulan dapat. Jadi, dalam erti kata yang lain ada pro dan ada kontranya. Kalau kita lihat daripada dua aspek, saya percaya ada keadilan dari kedua-dua skema gaji.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zakaria bin Arshad.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

GURU LEPASAN MAKTAB SESI JUN 1997 - MASALAH PENEMPATAN

7. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail [di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) adakah benar sebagaimana yang didakwa melalui akhbar tempatan bahawa terdapat sebilangan besar guru lepasan maktab sesi graduasi Jun 1997 telah tidak dapat ditempatkan di sekolah-sekolah; dan
- (b) jika benar, apakah sebab utamanya berlaku sedemikian, sedangkan umum mengetahui bahawa sekolah-sekolah negara masih lagi mengalami kekurangan guru terlatih dan sehingga kini sudahkah masalah penempatan guru-guru ini dapat diatasi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan (a) dan (b) semua guru lepasan maktab sesi Jun 1997 telah ditempatkan di sekolah-sekolah pada 1 Ogos 1997. Dakwaan melalui akhbar tempatan yang menyatakan bahawa sebilangan besar guru lepasan maktab sesi Jun 1997 tidak dapat ditempatkan di sekolah-sekolah adalah tidak benar.

BAYI PUTUS KEPALA - IMPLIKASI NEGATIF

8. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian sedar iaitu pada 31 Oktober 1997 iaitu seseorang bayi terputus kepala sewaktu menyelamatkan ibunya telah berlaku di Hospital Besar Melaka:-

- (a) mengapakah keadaan luar biasa begini boleh terjadi. Adakah doktor yang bertugas ketika itu bukan doktor perbidanan yang terlatih atau sebaliknya; dan
- (b) dari peristiwa yang telah berlaku, adakah kementerian sedar mengenai implikasinya terhadap imej Kementerian Kesihatan dan mengurangkan keyakinan rakyat kepada perkhidmatan hospital-hospital kerajaan, dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengatasi perkara seumpama ini agar tidak akan berulang lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Bakri bin Haji Ahmad pada 18 Disember 1997 kerana ia menyentuh perkara yang sama.

- (a) Jika diambil kira umur kandungan (berdasarkan kepada keputusan pemeriksaan ultra-sound, iaitu 20 minggu), dan saiz janin (300 gram), keadaan ini telah diklasifikasikan sebagai keguguran dan ini bukanlah satu kejadian yang luar biasa. Perlu dijelaskan bahawa dalam bidang perubatan kejadian keguguran dan kelahiran adalah dua perkara yang berbeza. Keadaan seperti kes di atas boleh terjadi dalam proses keguguran (abortion), walaupun ianya dikendalikan oleh pakar-pakar terlatih. Dalam kejadian di Hospital Melaka ini doktor yang bertugas adalah seorang pakar perubatan dalam bidang perbidanan.
- (b) Kementerian sememangnya sedar yang kejadian tersebut telah memberikan implikasi yang negatif terhadap imej kementerian. Kejadian seperti ini tidak sepatutnya menjadi satu isu besar jika masalah salah faham dapat diatasi dan orang ramai yakin dengan rawatan yang diberi oleh pakar-pakar. Kementerian sentiasa menyarankan kepada anggotanya betapa pentingnya berkomunikasi dengan berkesan dalam menjalankan tugas harian terutama yang melibatkan orang ramai. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Laporan daripada pihak kementerian bahawa bayi dalam kandungan itu telah mati lebih awal. Saya rasa 14 jam mengikut yang diumumkan oleh Menteri. Tetapi pihak ibu yang terlibat itu mengatakan empat jam sebelum dia pergi ke hospital dia telah mendapat pemeriksaan di klinik swasta dan mengatakan bayinya masih hidup dan sihat. Jadi, saya hendak tahu kalau laporan itu salah, apakah tindakan kementerian terhadap klinik dan doktor yang membuat laporan itu?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, lebih baik saya beri keterangan mengenai perkara ini dari hari pertama dan hari yang discharged. Oleh itu, semua Ahli Yang Berhormat boleh faham. Pada hari Jumaat 31 Oktober 1997 lebih kurang jam 11 pagi, Puan Mastura telah diperiksa di

sebuah klinik swasta setelah mengadu sakit perut. Beliau telah diberitahu bahawa anaknya sihat tetapi berkeadaan songsang (breech charged). Apabila kesakitan telah bertambah kuat, Puan Mastura telah dibawa ke Hospital Kem Terendak di mana beliau seterusnya telah dirujuk kepada Hospital Melaka. Dua tempat beliau sudah pergi.

Pada 13 Oktober 1997 pesakit bernama Puan Mastura binti Ahmad yang sedang hamil pada peringkat pertengahan telah dirujuk ke Wad Bersalin Hospital Melaka kerana mengadu sakit perut dan turun darah. Di Hospital Melaka beliau dimasukkan ke wad antenatal pada pukul 2.20 petang hari yang sama. Pemeriksaan ke atas pesakit telah dibuat oleh bidan, doktor siswazah, pegawai perubatan dan pakar perbidanan. Pemeriksaan menunjukkan ketiadaan denyutan jantung janin. Pemeriksaan ultrasound selanjutnya mengesahkan keadaan itu. Di samping itu, pemeriksaan ultra-sound juga menunjukkan janin berada pada tahap 20 minggu sahaja. Pemeriksaan ke atas pesakit mendapati pintu rahim sudah terbuka, menandakan beliau mengalami keguguran inevitable abortion, dengan izin. Pesakit melalui reaksi semula jadi diberi kesempatan menggugurkan kandungan. Ubat oxytene diberi untuk memastikan semua isi kandungan dapat dikeluarkan. Pesakit berkeadaan tidak selesa dan menjadi resah.

Untuk meredakan keadaan, ubat penenang diberi kepada pesakit. Para doktor meneruskan usaha membantu pesakit mengeluarkan janin dan uri. Semasa proses itu, sebahagian daripada janin dan uri tertinggal di dalam rahim. Suami pesakit diberitahu bahawa isterinya perlu diberi ubat bius untuk membolehkan doktor mengeluarkan isi kandungan yang masih tertinggal dalam rahim. Kebenaran bertulis diperolehi daripada suami beliau. Pesakit kemudiannya dihantar ke dewan bedah, diberi ubat bius dan usaha mengeluarkan bahan-bahan isi kandungan berjaya disempurnakan. Berat janin adalah 300 gram dan ukuran panjang crown adalah 13 sentimeter sahaja. Tetapi kita nampak akhbar sudah tulis baby has been pulled, 13 sentimeter, inilah jadi masalah.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Soalan saya ini adalah soalan yang cukup munasabah. Yang Berhormat ada jawab tadi perkara ini tidak patut menjadi isu besar kalau kita ada kefahaman. Saya rasa kementerian agak sensitif bila ada soalan-soalan dengan mengatakan ini bukan isu besar. Ini masalah kematian yang berkaitan dengan perkhidmatan. Jadi, Yang Berhormat telah beri tadi kronologi itu one side of the story, dan kalau betul kita terima. Tetapi ini kalau dikira pembicaraan ialah pembicaraan satu pihak. Yang membuat kajian, yang membuat ulasan dan jawapan ini semua doktor ataupun doktor pakar di hospital tersebut. Kenapa tidak diwujudkan satu jawatankuasa bebas dengan melantik doktor-doktor yang juga terlibat di hospital tersebut, daripada kementerian, juga daripada pihak swasta dan juga peguam bebas dan sebagainya. Ia bukan soal dari segi perubatan semata-mata, tetapi dari segi tanggungjawab, dari segi masa, dari segi sensitiviti kepada tanggungjawab, dari segi kecekapan kerja, ini pun hendak diambil kira, jangan kita mudah cepat melenting. Sebab kalau hendak mengatakan ini bukan isu besar hanya kerana kita hendak mengelakkan salah faham, yang pentingnya soal kematian. Itu munasabah. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, there is a different between a child and a fetus yang kita kata untuk makluman, sesuai kandungan issue memerlukan masa selama 37 minggu atau 40 minggu untuk matang dan melahirkan bayi yang sihat. Pada kebiasaannya mempunyai

berat melebihi 2,500 gram, mana-mana kelahiran yang terjadi sebelum 37 minggu dan ke bawah ditakrifkan sebagai kelahiran tidak cukup bulan atau premature dan untuk kelahiran yang berumur 20 minggu, kes seperti ini dipanggil keguguran. Bagi kelahiran yang beratnya 500 gram ke bawah adalah tidak mempunyai harapan untuk selamat ataupun chance of survival dalam keadaan dan kemudahan rawatan yang terdapat di Malaysia sekarang. Bagi kelahiran yang mencapai 800 gram, bayi-bayi tersebut memerlukan rawatan rapi dan hanya mampu dirawat di hospital-hospital besar yang mempunyai kekerapan dan peralatan moden, walaupun demikian risikonya masih tinggi.

Oleh itu kes ini yang sangat unik bukanlah yang memerlukan satu investigation ataupun kita panggil orang lain untuk 'check' berkenaan dengan perkara ini. Pegawai-pegawai di kementerian sentiasa melihat dengan rekod dan ada mengambil tindakan dan kalau rakyat tidak berpuas hati, jika ada negligous dengan kementerian, mereka boleh mengambil tindakan terhadap kementerian atau ke atas pegawai tetapi tidak ada.

PELAN UDARA BERSIH KEBANGSAAN

9. **Dato' Chet Singh a/l Karam Singh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah terdapat sebarang Pelan Udara Bersih Kebangsaan untuk Malaysia.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menyediakan satu Pelan Tindakan Udara Bersih Kebangsaan dan kini ianya dikemaskinikan. Sekian.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah untuk mengaitkan Pelan Udara Bersih Kebangsaan dengan transboundary, dengan izin, untuk udara bersih, adakah kita mempunyai apa-apa kaitan undang-undang antara Pelan Kebangsaan dengan undang-undang udara bersih untuk negara dan dari segi antarabangsa terutamanya dalam kes jerebu dengan Indonesia.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah berlainan. Transboundary ini ia ada kaitan di antara negara-negara Asean seperti Indonesia, Malaysia, Brunei, Singapura. Ini hanya untuk kita sahaja confine, dengan izin kepada negara kita Malaysia sahaja.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, sama ada kita ada atau tidak mempunyai kaitan di situ, bolehkah kita membuat tuntutan contohnya dengan Indonesia berkenaan dengan jerebu ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak boleh. Semua ini adalah perbuatan Allah S.W.T. belakalah. *[Ketawa]*

PASARAN BURUH - STRATEGI MENGURANGKAN PERGANTUNGAN PEKERJA ASING

10. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) apakah perancangan untuk mengatasi pasaran buruh asing yang berleluasa dewasa ini dan adakah pihak kementerian bercadang untuk memberi insentif kepada badan yang memberi galakan kepada pekerja-pekerja tempatan terutamanya wanita; dan
- (b) apakah program yang diatur oleh kementerian dalam menyediakan pekerja-pekerja mahir yang terlatih dan diakui oleh kerajaan bagi menghadapi alaf baru negara menuju ke arah perindustrian dan berteknologi tinggi.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Sumber Manusia telah, sedang dan akan melaksanakan pelbagai strategi untuk mengurangkan pergantungan negara ke atas pekerja asing. Di antara lainnya ialah:-

- (i) meningkatkan kadar penyertaan aktif tenaga kerja tempatan dalam pasaran buruh terutamanya tenaga buruh wanita, pesara-pesara, penagih-penagih dadah yang telah dipulihkan dan orang-orang kurang upaya;
 - (ii) meminda Akta Kerja 1995 untuk menjadikan konsep pekerjaan separa masa atau part time dan waktu kerja anjal (flexy time) diminati bukan sahaja oleh pekerja malah majikan juga sekali gus menarik lebih banyak tenaga kerja tempatan ke dalam pasaran buruh; dan
 - (iii) meningkatkan mobiliti buruh dari kawasan lebih tenaga buruh ke kawasan kekurangan tenaga buruh. Sehubungan itu Kementerian ini berpendapat pada masa ini tidak perlu untuk diadakan insentif kepada badan yang memberi galakan kepada pekerja-pekerja tempatan terutamanya wanita untuk bekerja, sungguhpun usaha mereka itu sangatlah dialu-alukan. Sebaliknya majikan-majikan sudah disediakan potongan cukai sebagai penggalak, potongan cukai bagi bangunan yang dibeli atau dibina untuk tujuan pusat asuhan kanak-kanak dan asrama untuk pekerja selain bebas daripada beban membayar levi dan kos-kos lain yang berkaitan dengan penggajian pekerja asing.
- (b) Kementerian Sumber Manusia mempunyai program-program latihan untuk menyediakan pekerja-pekerja mahir yang terlatih bagi menghadapi alaf baru negara menuju ke arah perindustrian yang berteknologi tinggi. Sehubungan itu, latihan kemahiran yang relevan untuk industri masa depan akan dilaksanakan di pusat-pusat latihan di Kementerian Sumber Manusia yang sedia ada dan juga yang bakal dibina di bawah RM-7. Selain dari itu, Skim Perantisan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia akan

diperluaskan meliputi bidang-bidang pemesanan, plastik, automatik dan sebagainya untuk mempertingkat lagi usaha kementerian menyediakan pekerja-pekerja mahir dan terlatih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan negara kita ini telah pun menerima dari masa ke semasa sejak beberapa tahun ini lebih kurang dua juta pekerja-pekerja asing, adakah sebenarnya pihak kerajaan menerusi Kementerian Sumber Manusia mempunyai agenda yang terperinci, bererti memandangkan ekonomi kita bergerak dengan tahap-tahap tertentu, sumber tenaga asing sekian ramai, setiap tahun antara 1997 ini hingga ke tahun 2002, berapa orang pekerja-pekerja asing ini akan dikurangkan disetiap sektor kerana kita ada mereka yang dilatih dengan program yang kita ada ini, yang hendak mengisi pekerjaan ini. Kalau kita sebutkan sahaja, kita akan buat ini dan itu, tetapi jumlah pekerja asing terus menjangkau sejuta dan dua juta ataupun tidak turun-turun, bererti tidak ada kesannya. Jadi, adakah pihak kerajaan ingin memberitahu Dewan yang mulia ini pada hari ini hingga ke tahun 2002 pekerja-pekerja asing setiap tahun akan menurun bertahap-tahap sehinggakan tidak ada langsung pekerja asing kerana semuanya diisi oleh pekerja-pekerja tempatan dan berkaitan dengan ini pula adakah benar atau tidak bahawasanya pekerja-pekerja tempatan sekarang ini didiskriminasi kerana majikan lebih mementingkan pekerja-pekerja asing kadangkala kerana senang hendak 'mengononkan' pekerja-pekerja asing ini kalau dibandingkan dengan pekerja-pekerja tempatan kerana ini ada bukti-bukti tertentu, saya tidak rahsiakan tetapi saya sudah mendengar di banyak tempat di mana pekerja kita sendiri didiskriminasikan dan diberi helah pelbagai supaya kita tidak hendak bekerja dan orang asing dapat bekerja dan senang mereka hendak mengawalinya. Inilah dua perkara ini ada kaitannya, tetapi saya hendakkan pihak kementerian memastikan kepada Dewan ini pada lima tahun yang akan datang ini, pekerja-pekerja asing yang berjumlah 1.27 juta itu akan dikurangkan tahap demi tahap.

Dato' Abbul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, satu dasar yang menyeluruh memanglah sukar ditetapkan kerana ianya banyak dipengaruhi oleh keadaan, misalnya pada satu masa kita rasa bahawa kita tidak perlu bergantung sangat kepada buruh asing, tetapi oleh sebab kerajaan begitu berjaya untuk menarik pelabur dari luar yang telah meningkat dengan begitu pantas dalam masa yang paling singkat, maka kita terpaksa membenarkan kedatangan buruh-buruh ini. Tetapi sampai satu ketika di mana kita dapati jumlahnya terlalu banyak, maka kita telah

membekukan sama sekali pengambilan buruh-buruh asing. Tetapi sekarang misalnya telah wujud pula satu keadaan yang baru, keadaan ekonomi yang begitu merbahaya, yang melanda negara kita dan kita perlu membanyakkan eksport ke luar negara dan untuk itu memang telah terdapat pelbagai tekanan terhadap kerajaan untuk membenarkan kita mengambil pekerja asing bagi sektor-sektor ekonomi tertentu, misalnya sektor industri untuk eksport, sektor industri berteknologi tinggi dan juga untuk sektor perladangan. Jadi, dalam sesuatu masa kita perlulah imbangkan segala kepentingan dan kita mencari suatu balance yang paling bermanfaat kepada negara.

Namun demikian saya cukup bersetuju dengan apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat, kita perlulah ada suatu dasar perburuhan jangka panjang, long term perspective plan, dengan izin, mengenai persoalan yang penting yang melibatkan pelbagai jabatan dan kementerian, bukan sahaja Kementerian Sumber Manusia sahaja dan selepas itu kita ada pula rancangan-rancangan jangka pendek, tiga tahun misalnya untuk mencapai objective long term perspective. Terima kasih.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan bahawa ada pengecualian cukai bagi mengadakan pusat-pusat jagaan harian di syarikat-syarikat tadi dan juga bukan sahaja pengecualian didapati juga ada perkara kemudahan lain yang telah dibuat, mengikut rekod di sini cuma dua puluh lapan buah sahaja pusat asuhan kanak-kanak yang ditubuhkan di swasta dan didapati juga bahawa adalah syarikat gergasi kepunyaan kita, contohnya Petronas, PERWAJA dan lain-lain, jadi, apakah tindakan kerajaan terhadap multinasional company yang tidak menggunakan kemudahan yang kerajaan beri, malah ada juga syarikat-syarikat yang sengaja tidak mewujudkan pusat latihan harian kerana tidak mahu melibatkan diri dalam perkara ini. Apakah tindakan kementerian ke atas perkara tersebut.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang telah menjadi salah satu dasar pokok kerajaan dalam menarik pelaburan ke negara kita ataupun menggalakkan pelaburan dalam negeri kita, kita tidak mahu banyak paksa-paksa. Jadi, kita banyak menggunakan pujukan, galakan, insentif dan sebagainya.

Pada ketika ini memanglah kita dapati bahawa keperluan untuk taman atau pusat asuhan kanak-kanak ini sudah pun menjadi cukup penting dan kalau kita hendak ramai lagi wanita untuk pergi bekerja, maka kita perlu jayakan usaha ini. Sekarang ini dalam Malaysia hanya lebih kurang 40% sahaja yang keluar bekerja sedangkan di negara maju biasanya adalah lebih kurang 70% dan oleh sebab itu, pihak Kementerian Sumber Manusia telah pun menghubungi kerajaan-kerajaan negeri dan juga

sedang berunding dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga untuk memastikan supaya dalam kita meluluskan mana-mana juga 'lay out' untuk skim-skim perumahan juga kita pastikan supaya diadakan juga tanah untuk pusat asuhan kanak-kanak dan sebagainya dan begitu juga dalam kita meluluskan pelan-pelan kilang juga kita meminta supaya semua badan-badan kerajaan tempatan memastikan supaya disyaratkan juga untuk pusat asuhan kanak-kanak.

PEMBANTU RUMAH ASING - JUMLAH KEMASUKAN TAHUN 1997 BERBANDING TAHUN 1996

11. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kemasukan pembantu rumah daripada luar negara dalam masa sepuluh bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1996. Minta jelaskan polisi terbaru kementerian terhadap kemasukan mereka dan adakah kementerian yakin bahawa tindakan kementerian bagi menyekat kemasukan mereka tidak membawa kesan negatif.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kemasukan pembantu rumah dari negara luar dalam masa sembilan bulan pertama tahun 1997 ialah 55,105 orang berbanding dengan 22,443 dalam tempoh yang sama dalam tahun 1996.

Berhubung dengan dasar mengenai pembantu rumah asing yang dibenarkan bekerja di negara kita pada masa ini adalah seperti berikut:-

- (i) pembantu rumah asing hendaklah warganegara Filipina, Indonesia, Thailand dan Kemboja;
- (ii) pembantu rumah hendaklah perempuan berumur di antara 20 hingga 50 tahun dan boleh bertutur bahasa Melayu atau bahasa Inggeris; dan
- (iii) pembantu rumah tidak dibenarkan berkhwin dengan rakyat tempatan atau pekerja asing yang bekerja di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 35 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1997) (No.2) 1997

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah

“Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. *[3 Disember 1997]*”

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar, sila sambung.

3.43 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, baru hendak mula.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila. Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid sudah habis ya?

Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Ya, sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua: Okay.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bersyukur dan terima kasih kerana berpeluang mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini ialah bertujuan untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat bagi perkhidmatan awam Persekutuan dalam tahun 1997 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1997, Akta Perbekalan Tambahan 1996 dan 1997 dan Akta Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997 yang berjumlah RM13,141,219,516. Tuan Yang di-Pertua, Perbekalan Tambahan ini adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti di dalam Jadual.

Yang pertama, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud B.1 iaitu Parlimen. Peruntukan yang diberi di bawah maksud ini ialah berjumlah RM12,848,500.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam peruntukan di bawah maksud ini kebanyakannya adalah bertujuan kerja-kerja ubahsuai dan baikpulih Bangunan Parlimen ini termasuk kawasannya dan selain dari itu ialah peruntukan untuk emolumen ataupun perkhidmatan dan bekalan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin menyentuh di sini kita dapati daripada awal tahun ini sehingga sekarang ini kerja-kerja baikpulih dan juga ubahsuai Bangunan Parlimen ini masih berjalan. Apa yang ingin saya ingatkan ialah supaya sama ada pihak Parlimen sendiri ataupun pihak JKR mempunyai jentera penyeliaan dan pengawasan yang berkesan, sebabnya saya berkata demikian, kita tidak mahu apabila dibaiki ataupun diubahsuai tempat-tempat tertentu, tetapi bila kerja itu siap akhirnya tempat lain pula yang rosak. Jadi, maknanya sepanjang masa Bangunan Parlimen ini tidak pernah siap, berlaku kerja-kerja ubahsuai dan juga baikpulih. Jadi, banyak contoh yang kita pernah lihat apabila dibaiki hawa dingin, lampu pula rosak, apabila dibaiki siling bahagian lain pula rosak. Kita tahu kebanyakan kontraktor-kontraktor yang membuat kerja sekarang ini tambah lagi menggunakan buruh asing ini, mereka sudah tentu mencari jalan supaya perbaik tempat lain lepas itu cari masa bila ada kerosakan boleh buat kerja pula, ini membazir wang. Oleh sebab itu, Bangunan Parlimen ini memanglah tidak dapat dinafikan kita perlu mengadakan peruntukan yang cukup supaya imej negara kita di mana berlangsungnya persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan begitu juga lawatan ketua-ketua kerajaan lain datang ke sini untuk melihat sejauh mana perjalanan pentadbiran kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan peruntukan tambahan di bawah Maksud B.1 bagi Parlimen iaitu bersangkutan dengan tempoh perkhidmatan Senator-senator ataupun Ahli Dewan Negara ini. Pihak jawatankuasa ahli kelab telah pun berbincang dan kalau boleh difikirkan, dipertimbangkan supaya tempoh perkhidmatan Ahli Dewan Negara ini dilanjutkan kepada lima tahun ataupun enam tahun dan tidak sepertimana sekarang ini cuma tiga tahun. Jadi, kalau tiga tahun biasanya orang yang dapat satu penggal, dia akan sambung lagi satu penggal jadi enam tahun. Adalah lebih baik dan lebih munasabah diberi tempoh itu lima tahun ataupun enam tahun dan kita tahu sekarang ini kebanyakan Ahli-ahli Dewan Negara ini dipilih daripada orang-orang yang boleh memberi sumbangan kepada kerajaan terutama sekali dalam membahaskan perkara-perkara yang penting bersangkutan dengan pentadbiran kerajaan. Oleh itu adalah menjadi harapan Kelab Senator ini supaya perkara ini dapat dipertimbangkan dan memanglah kita akui perjalanan persidangan sama ada di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara ini memerlukan tenaga yang ramai, yang banyak dari pihak Parlimen sendiri untuk membuat persediaan dan juga laporan dan sebagainya. Tetapi apa yang ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Belanjawan kita sekarang ini kita tidak memerlukan tenaga yang lebih, apa yang penting ialah kita perlu menggunakan teknologi

yang terkini dari segi hendak meningkatkan kerja-kerja yang bertambah ini. Kalau kita tambah orang, maknanya duit untuk setiap orang yang dapat itu tidak bertambah, ini mungkin akan menimbulkan masalah lagi, ada lebih baik kita beri peruntukan kepada elaun lebih masa supaya pegawai yang sedikit itu dapat membuat kerja yang lebih dan kita beri insentif kerja lebih masa itu. Ini adalah lebih munasabah lagi daripada menambahkan bilangan tenaga pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan peruntukan tambahan untuk mencantikkan lanskap di Bangunan Parlimen ini tetapi seperti yang kita sebutkan tadi, janganlah terlalu kerap dibuat ubahsuai lanskap sehingga kadang-kadang kita nampak menjadi membazir. Jadi, kalau boleh biarlah kita buat suatu kajian ataupun memberi kepada satu konsultan yang jangka masanya sekian-sekian lama baru kita buat perubahan. Kalau terlalu kerap membuat perubahan lanskap maknanya ia akan memakan belanja yang banyak, lebih-lebih lagi dalam keadaan negara kita mengalami keadaan ekonomi yang meleset sekarang ini.

Di bawah tajuk yang berikut pula iaitu Maksud B.3 - Jabatan Audit. Saya ingin menyentuh perkara di bawah Jabatan Audit ini sebab Audit ini adalah memainkan peranan yang penting untuk mengetahui dan mengesan perbelanjaan baik di pihak Kerajaan Pusat mahupun di pihak kerajaan negeri, baik badan-badan berkanun kerajaan itu sendiri.

Sekarang ini kita dapati akaun badan-badan berkanun dan juga kerajaan-kerajaan negeri tidak pernah up-to-date, cuma kita boleh siapkan dua, tiga tahun kebelakangan. Sekurang-kurangnya Bahagian Audit ini mesti memastikan akaun kerajaan-kerajaan negeri, Kerajaan Pusat dan juga badan-badan berkanun ini mestilah tutup habis lewat ialah setahun kebelakangan dan tidak dua, tiga tahun kebelakangan. Dengan cara ini barulah kita boleh mengukur efficiency ataupun keberkesanan khidmat pegawai-pegawai di jabatan-jabatan kerajaan dan juga badan-badan berkanun ini. Kalau kita lihat di sini memanglah kita dapati peruntukan ini diberi kepada pengurusan dan khidmat sokongan di Jabatan Audit akaun Persekutuan dan juga di bawah akaun kerajaan-kerajaan negeri.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan tambahan di Jabatan Perdana Menteri ini adalah suatu peruntukan yang sangat penting, oleh sebab Jabatan Perdana Menteri mempunyai tanggungjawab yang cukup banyak, tambah-tambah lagi di bawah Jabatan Perdana Menteri ini terletak Badan Pencegah Rasuah, Bahagian-bahagian Dakwah JAKIM dan sebagainya dan kalau kita perhatikan

peruntukan tambahan yang sebanyak ini mungkin tidak mencukupi untuk memenuhi bidang tugas yang telah diberikan.

Saya juga ingin menyentuh di sini iaitu berkenaan dengan peruntukan khas yang diluluskan oleh Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM100,000 bagi satu penggal kepada setiap Ahli Yang Berhormat Senator. Kita dapati apabila peruntukan ini telah diluluskan, memang ianya amat berkesan sekali dan setiap negeri yang mempunyai wakil Senator sama ada dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ataupun Dewan Undangan Negeri, mempunyai peruntukan masing-masing dan telah membelanjakan dengan paling berkesan dan ini sangat bermanfaat kepada rakyat terutama di dalam kawasan luar bandar melalui pertubuhan dan sebagainya supaya mereka ini tahu bahawa Senator ini juga adalah orang yang boleh memberi khidmat ataupun boleh membantu mereka walaupun tidak banyak. Apa yang ingin saya sebut di sini, kalau di peringkat Dewan Undangan Negeri memanglah semua wakil-wakil rakyat itu mempunyai peruntukan dan Ahli Parlimen pula satu tahun RM400,000. Jadi, kalau Senator untuk satu penggal RM100,000 pada pendapat kami amat sukar sekali untuk hendak mengagih-agihkan peruntukan ini.

Oleh yang demikian, eloklah pihak kerajaan mempertimbangkan supaya peruntukan RM100,000 ini sekurang-kurangnya dinaikkan separuh daripada Ahli Parlimen untuk setahun itu. Itu nampaknya munasabah dan insya-Allah, kami Ahli-ahli Dewan Negara memberi jaminan untuk menjalankan tugas dengan adil dan memberi manfaat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan peruntukan yang diberi kepada Badan Pencegah Rasuah di bawah peruntukan Jabatan Perdana Menteri. Kita tahu satu akta yang baru berkenaan dengan Badan Pencegah Rasuah ini telah diluluskan tetapi apa yang telah saya dapat maklumat dari pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah sendiri walaupun akta baru ini memberi kuasa yang lebih kepada pegawai Badan Pencegah Rasuah untuk mengendalikan, menguatkuasakan, untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap pesalah-pesalah dari segi rasuah ini, tetapi mereka juga terpaksa menerima laporan ataupun report dari orang-prang tertentu barulah penyiasatan boleh dibuat, ini saya rasa sudah tentu lebih kurang sama juga macam kuasa yang diberi di bawah akta yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu kita hendaklah melihat dari segi memberi kuasa kepada pegawai-pegawai untuk apabila mendapat maklumat sama ada dari laporan orang ramai ataupun dengan usaha pegawai itu sendiri ataupun pihak agensi-agensi lain seperti polis dan sebagainya, maka

pegawai Badan Pencegah Rasuah di peringkat negeri dan peringkat Persekutuan boleh untuk menyasiat kedudukan yang sebenar dan kalau didapati tidak ada berlaku perkara rasuah bermakna perkara itu boleh disenyapkan begitu sahaja. Tetapi kalau hendak menunggu laporan dari orang ramai ataupun pihak yang menjadi mangsa itu saya rasa ini sama juga keadaannya seperti yang lama. Sebab kita dapati apabila ekonomi negara kita menjadi keadaan seperti sekarang ini perbuatan rasuah perlu ditingkatkan supaya tidak berlaku.

Sekarang ini rasuah boleh berlaku di mana-mana sahaja, sama ada di pihak swasta ataupun di pihak awam. Di bank-bank sekali pun walaupun ada akta baru berkenaan dengan untuk hendak memperketatkan lagi dari segi pinjaman di bank dan sebagainya, tetapi perkara ini masih lagi boleh berlaku rasuah dan begitu juga di syarikat-syarikat korporat swasta yang mendapat konsesi projek kerajaan dari segi pemberian kontrak secara negotiate, dengan izin, inilah yang saya katakan tadi. Tetapi bagi orang awam untuk membuktikan berlaku rasuah di dalam agensi-agensi yang saya sebutkan tadi, memang sukar, kita susah hendak mencari bukti yang konkrit dari segi undang-undang sebab kita masih mengamalkan undang-undang yang dijalankan di negara Barat, sebab itulah susah. Tetapi saya yakin, saya berani mengatakan perkara yang berunsur rasuah masih lagi berlaku sama ada di agensi-agensi kerajaan mahupun di syarikat-syarikat swasta dan kalau kita lihat sekarang ini kontraktor-kontraktor sama ada dalam Kelas 'A' ataupun 'B' atau sebagainya yang mendapat projek kalau kita lihat bukan ada yang lain, di setiap negeri baik di Kuala Lumpur ini ataupun tidak kita boleh melihat senarai siapa yang selalu mendapat projek-projek yang besar, orang-orang itu sahaja, kalau tidak ada berlaku sesuatu di dalam tidak mungkin perkara ini boleh berlaku. Semuanya masuk tender yang 'close' tender itu sudahlah, itu di atas budi bicara lembaga tender itu untuk hendak memberi tetapi yang masuk tender secara terbuka pun kalau duduk dalam senarai nombor satu sampai nombor sepuluh ataupun dua puluh, yang nombor satu tidak dapat, dia cari hak yang mana yang dok biasa dapat itu, kalau duduk dalam nombor lima, ha dia beri kepada kontraktor itu, sebab dia tidak terikat. Inilah yang saya katakan, unsur-unsur yang begini perlu dilihat oleh pihak BPR. Saya percaya penuh dengan peruntukan baru, dengan mengadakan peruntukan untuk penyiasatan dan penguatkuasaan dan sebagainya, ini akan memberi inisiatif kepada pegawai-pegawai itu untuk menjalankan tugas dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud B.16 - Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan bomba ini satu masa dahulu disebut akan ditukarkan kepada nama lain, kita tak mahu bubuh perkhidmatan bomba, kita katalah perkhidmatan kecemasan dan sebagainya sebab kita tidak mahu menghadkan kerja-kerja bomba ini kepada memadamkan kebakaran sahaja, ia boleh juga memberi perkhidmatan dari segi bila berlaku kemalangan, bila ada bencana lain-lain dan sebagainya. Oleh sebab itu perkataan bomba ini hanya tertumpu kepada masalah kebakaran dan kita menyokong pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk memberi imbuhan kepada pegawai-pegawai bomba yang terlibat dengan pemadaman api di Indonesia iaitu sebanyak RM2,000 dan kita berharap isu masalah cara mana hendak keluarkan sumbangan itu tidak timbul lagi di antara Menteri-menteri Kabinet. Kalau sudah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan, janganlah menteri-menteri lain yang di bawah ini cuba timbul-timbulkan mengikut kefahaman masing-masing, ini menambahkan celaru lagi keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.18 - Kementerian Perusahaan Utama.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh berkenaan dengan Maksud B.18 - Kementerian Perusahaan Utama. Di dalam Kementerian Perusahaan Utama ini mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM15,900,000.

Yang pertamanya, saya ingin menyentuh berkenaan dengan dari segi cadangan kenaikan harga minyak yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama baru-baru ini yang katanya mulai bulan Januari tahun depan akan bermulalah kuatkuasa had ceiling harga minyak yang baru itu, tetapi semalam kalau tidak silap saya Kabinet telah memutuskan harga minyak tidak akan dinaikkan. Kita bersyukur dan saya percaya penuh rakyat jelata menyambut baik, sebab bila minyak naik ia akan ikut kesan. Ini bukan minyak petrol ini, minyak masak, bila minyak turut naik maknanya bahan-bahan lain juga akan turut naik lebih-lebih lagi kita akan menghadapi bulan puasa dan juga perayaan Tahun Baru Cina dan banyak lagi bahan-bahan makanan lain yang diperbuat dari minyak.

Jadi, sudah tentulah macam saya katakan tadi seelok-eloknya sebelum perkara yang seperti ini dibawa mesyuarat dan dibincang dalam Kabinet, kita tidak bolehlah membuat pengumuman, andaian dan sebagainya sebab bila berlaku keputusan yang seperti ini ia akan menjadi orang nampak seolah-olah menteri ini dia sudah macam ini, ini satu imej yang cukup buruk bagi Kerajaan Malaysia lebih-lebih lagi dalam keadaan kita menghadapi ekonomi meleset sekarang ini.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan beberapa agensi di bawah Kementerian Perusahaan Utama ini yang sudah pun dimansuhkan ataupun disatukan, ini adalah satu langkah yang memang baik sekali kerana hendak mengurangkan perbelanjaan. Kadang-kadang kita dapati di antara satu agensi dengan agensi lain di bawah kementerian yang sama buat kerja overlapping yang melibatkan perbelanjaan yang begitu banyak dan pegawai ini pun kadang-kadang dia tidak tahu hendak buat, di bawah agensi yang sama buat kerja yang itu juga dan yang di bawah agensi yang satu lagi pun membuat kerja yang sama juga, misalnya FELCRA, FELDA dan sebagainya dan begitu juga berkenaan dengan getah ini. Kita memang sangat mengalu-alukan dan kita harap bukan sahaja kementerian ini bahkan kementerian lain pun akan membuat kajian yang mana agensi-agensi yang tidak berfungsi yang hendak jadi overlapping, dengan izin, kita bubarkan dan kita wujudkan satu agensi bersama yang boleh buat kerja yang menjimatkan perbelanjaan.

Saya juga hendak menyebut berkenaan dengan RISDA. Saya tahu RISDA ini duduk di bawah dua kementerian iaitu Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. RISDA ini sebenarnya ia lebih membantu kepada pekebun-pekebun yang memiliki kawasan yang luas sahaja, pekebun-pekebun kecil tidak langsung mendapat manfaat, mereka ini seolah-olah semacam juga para petani, inilah masalah yang besar dari dahulu sampai sekarang ini, para pekebun kecil tidak pernah pun menjadi golongan yang keluar dari garis kemiskinan ataupun pendapatan sederhana ini sebabnya mereka ini mempunyai kawasan estet yang begitu sempit dan saya dapati sehingga sekarang pihak RISDA tidak langsung mencari jalan untuk hendak menguruskan estet-estet yang kecil ini secara berkelompok supaya ianya menjadi lebih komersial dan lebih menjimatkan perbelanjaan, ini sangat penting. Di Perlis sendiri terdapat estet-estet pekebun-pekebun kecil ini yang dimiliki oleh penduduk-penduduk di luar bandar tetapi hanya berjaya tanam semula, selepas itu tidak dapat menguruskan estet dengan lebih berkesan lagi. Maksud saya kalaulah bantuan untuk tanam semula diberi pagar, bajak tanah lepas itu tanam dan akhirnya bila sampai masa pokok getah itu hendak kena potong balik dia tidak dapat apa, cuma dia berbelanja untuk orang menguruskan ladangnya sehingga dia boleh menanam dan boleh memotong, lepas itu susah pula hendak mencari buruh-buruh yang sanggup membuat kerja menoreh getah ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, adalah mustahak bagi kementerian ini bersekali dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya memikir semula bagaimana bantuan kepada pekebun-pekebun kecil ini boleh diuruskan dengan cara yang lebih berkesan dan boleh membantu pemilik

pekebun kecil ini dan saya nampak sekarang macam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri umumkan dahulu macam kita buat bendang berkelompok. Para pekebun kecil ini pun buat secara berkelompok, dua, tiga ekar ini kita gabungkan lepas itu RISDA yang uruskan sendiri kemudian besoknya hak milik mengikut keluasan tanah ladang yang dimiliki, bila dapat hasil besok kita boleh agihkan balik kepada pekebun-pekebun kecil, tidak seperti sekarang ini, tuan milik yang mempunyai dua ekar dijalankan buat tanam semula untuk kebun seluas dua, tiga ekar lepas itu semua urusan perbelanjaan itu diberi kepada orang yang membuat kerja, yang pekebun dok tunggu sahaja, dia memang buat kerja juga tetapi kita dapat hasil, inilah yang saya katakan sektor pertanian ini tidak berubah, reformasi tidak berlaku, sebab pegawai di dalam RISDA adalah pegawai kerajaan yang makan gaji, orang yang buat kerja itu pula ialah orang yang menjadi kontraktor, yang ada traktor dan sebagainya, dia buat kerja dia dapat hasilnya sebab itulah perpisahan di antara agensi yang terlibat dengan orang yang ada kepentingan ini masing-masingnya tidak ada satu penjelasan, perlu dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan B.19 - Kementerian Pertanian. Ini adalah penting sebab Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memaklumkan di antara sebab-sebab berlaku defisit akaun semasa negara kita ialah kita kena import bahan-bahan makanan berjumlah lebih daripada RM8 bilion sedangkan kita mempunyai banyak kemudahan untuk meningkatkan hasil-hasil pertanian ini seperti yang saya katakan tadi kadang-kadang cabai sekarang kita hendak kena beli di pasaran dengan harga yang begitu mahal, begitu juga buah-buahan. Kita sekarang ini lebih ghairah beli buah dari negara jiran lepas itu jual di tempat kita dan paling malang sekali pasar-pasar minggu dan pasar-pasar malam terutama sekali di negeri-negeri yang berhampiran dengan jiran kita termasuk Perak, Kedah, Perlis dan Langkawi sekali pun kebanyakan bukan setakat kita beli barang-barang makanan dari negeri jiran dan jual di tempat kita sahaja, orang mereka sendiri datang berniaga, ini maknanya kita sudah sekat peluang pekerjaan, peluang perniagaan bagi orang tempatan dan pengaliran wang kita ke luar negara sudah tentulah berlaku secara berleluasa yang tidak terkawal.

Saya tidak tahulah bagaimana kerajaan harus memikirkan supaya ia boleh dapat mengesan tempat-tempat yang berlaku keadaan seperti ini, misalnya di Padang Besar sendiri, kita tahu kita ada sebuah pasar raya di situ tetapi pasar raya di situ sekarang ini bukan setakat menjual barang-barang dari negara jiran sahaja, orang yang berniaga di situ pun adalah orang di sebelah sana, mereka datang berniaga, lepas itu tutup dan balik. Jadi, kalau perkara yang seperti ini berlaku, saya nampak inilah

salah satu punca yang melibatkan pengaliran wang kita keluar dan sampai bila pun kita tidak boleh atasi masalah kekurangan bahan-bahan makanan di negara kita.

Saya tidak nampak bagaimana caranya Kementerian Pertanian boleh mengubah nasib petani-petani, sedangkan sekarang ini cuma satu sahaja kalau boleh iaitu Kementerian Pertanian ini hendaklah mempunyai agensi yang dikorporatkan, yang diperbadankan seperti BERNAS sekarang. Sekarang BERNAS sudah pun berubah dan BERNAS sudah pun berjalan di atas dasar penswastaan. Oleh sebab itu, agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian, kalau sekiranya misalannya LPP, PPK dan sebagainya yang mana saya telah kemukakan, LPP dan PPK kita tengok dia bercanggah sedikit. PPK dia ada mesyuarat agung, dia ada ahli, dia adalah merupakan syarikat kerjasama di dalam PPK. Ada PPK di dalam kawasan MADA, ada PPK di luar MADA tetapi malangnya pegawai LPP ini yang dipinjamkan oleh pihak Kementerian Pertanian ini yang dibayar gaji, mereka ini sebenarnya yang lebih mempengaruhi perjalanan PPK di kawasan itu sendiri. Merekalah yang mengaturkan apa perniagaan yang hendak dibuat, tetapi apabila rugi dia lepas balik mai kira-kira kepada PPK. Bila untung wallahu'alam, saya tidak mahu kata tetapi ada unsur-unsur yang untung itu pegawai-pegawai yang terlibat itu yang boleh dapat komisyen sama, tetapi PPK kalau rugi PPK tanggung kalau dapat pun orang yang tumpang kerja itu sedikit. Inilah perkara yang berlaku sekarang, pada hal NAFAS diberi kemudahan membolehkan ia berniaga mengedarkan bahan-bahan jentera dan sebagainya melalui NAFAS. NAFAS ini adalah ditubuhkan di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang. Lembaga Pertubuhan Peladang, NAFAS, PPK ada kaitan tetapi yang kita rasa sekarang ini saya tidak tahu bagaimana caranya pentadbiran ini akhirnya dia tidak boleh memikirkan satu jalan supaya hal-hal yang berkaitan dengan pertanian misalannya jentera pembajak, jentera mesin mengisar padi dan sebagainya boleh diuruskan supaya petani ini tidak payah mencari pihak swasta. Sekarang ini yang menjadi masalah ialah kos-kos menguruskan pertanian ini termasuk jentera pembajak, termasuk jentuai dan sebagainya makin meningkat dan ini diuruskan oleh pihak swasta ataupun orang perseorangan. Jadi, petani mahu tidak mahu terikat dengan keadaan yang ada sekarang ini. Saya tidak tahu bagaimana PPK dan LPP tidak boleh menguruskan perkara ini dan benda ini dibiarkan, orang perseorangan dan pihak swasta menjalankan.

Oleh itu peruntukan tambahan yang diberi kepada Kementerian Pertanian yang mana disebut di sini pemberian subsidi baja padi, kita tidak mahu para petani ini dok harap subsidi, bila sampai cukup masa harga padi tak naik kerajaan kata kalau penaik harga padi, harga beras akan naik, orang-

orang yang tak jadi petani pun akan turut menderita, tetapi apabila diberi subsidi kita tidak mahu dapat subsidi lepas itu belanja untuk hal lain habis begitu sahaja, sedangkan sektor pertanian tidak berubah juga. Inilah yang harus difikirkan, apakah yang perlu dibuat, tak bolehkah macam saya katakan tadi diwujudkan suatu syarikat ataupun suatu cara untuk menguruskan cara swasta macam pertanian berkelompok, petani-petani yang ada bahagian keluasan ini diberi hakmilik itu sahaja tetapi yang menguruskan itu syarikat ini sama ada BERNAS ataupun sebagainya, itu terpulanglah.

Kalau dibuat pengurusan yang macam ini makna kata dari mula sampailah dapat hasil, orang lain urus dan petani akan mempunyai syer dan kalau petani ini sanggup bekerjasama dengan syarikat yang menjalankan cara swasta ini, mereka akan dapat hasil daripada pekerjaan itu selain daripada hak mereka mengikut keluasan bendang masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan B.2 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini memanglah mustahak, lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang ini untuk menarik ramai pelancong datang ke negara kita tetapi yang kita lihat di sini ada peruntukan ini yang banyaknya ialah diberi untuk hendak membuat promosi Sukom.

Saya ingin sebut di sini Sukom ini adalah sukan yang nombor dua penting dalam dunia, nombor satu Sukan Olimpik, nombor dua Sukom ialah Commonwealth Games, dengan izin. Tetapi sejauh mana Sukom ini boleh memberi manfaat kepada rakyat kita selain daripada ia mampu menarik pelancong luar datang dan dalam masa yang sama siapa yang diberi mandat ataupun kuasa untuk menguruskan Sukom ini dapat peluang mencari duit banyak. Kita tahu melalui Sukom sekarang ini banyak dengan kerjasama ataupun sponsorship, tajaan daripada syarikat-syarikat dan Sukom boleh mengumpul wang yang cukup banyak dan kita harap pihak kerajaan tidak melepaskan segala urusan ini dibuat oleh syarikat-syarikat yang tertentu sahaja, kerajaan mesti mengawal, kita tidak mahu bila Sukom ini diadakan lebih kurang tidak sampai setahun lagi tahun depan, lepas itu orang yang diberi mandat untuk ini boleh dapat satu pendapatan yang lumayan dengan pihak syarikat-syarikat itu dan rakyat ataupun pihak pelabur yang membuat bangunan, hotel dan sebagainya termasuk rakyat biasa akhirnya terpaksa menanggung suatu kesan akibat daripada selepas itu banyak bangunan yang akan kosong, orang tidak sewa dan sebagainya, dengan sendirinya secara tidak langsung rakyat akan menderita.

Apa yang kita harapkan apabila kita diberi mandat untuk mengadakan Sukom ini kita tidak mahu dunia nampak seolah-olah kita yang ghairah hendak bawa Sukom ke negara kita tetapi

penontonnya seperti Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali sebutkan, tidak ada. Sebab kita kena beri satu kemudahan kepada rakyat biasa misalannya kanak-kanak sekolah tetapi kalau hendak dikenakan bayaran kita tidak sokong, berilah percuma, biarlah mereka datang dari tempat sendiri ke Kuala Lumpur itu mereka bayar, tetapi hendak masuk tengok dalam itu janganlah dikenakan bayaran, sebab Sukom boleh mencari sumber-sumber lain untuk menampung kos ini, janganlah kita dikenakan bayaran sebab pembangunan sukan ini memanglah satu perkara yang sangat penting terutama sekali kepada generasi muda.

Kita juga berharap supaya kerajaan mengawasi segala perbelanjaan yang boleh menguntungkan orang-orang tertentu ataupun syarikat-syarikat tertentu lebih-lebih lagi dalam soal membeli barang-barang dari luar negara untuk kegunaan semasa Sukan Komanwel ini. Jadi, kita berharap kerajaan akan memberi perhatian yang serius terhadap perbelanjaan menguruskan Sukom ini dan rakyat akan mendapat manfaat yang sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut di bawah kementerian ini iaitu promosi negeri-negeri. Negeri Perlis misalnya adalah negeri yang agak terpencil dan negeri Perlis terpaksa membayar belanja promosi itu lebih kurang sama dengan negeri lain RM100,000, tetapi apa yang malangnya promosi berkenaan dengan negeri Perlis ini kita nampak satu muka sahaja, dia tidak bubuh pun benda-benda lain. Ini adalah satu keadaan yang tidak adil. Sebenarnya tanggungjawab kementerian ini terutamanya Unit Pelancongan di bahagian wilayah utara itu di dalam lingkungan IMTGT mereka hendaklah berusaha mengiklankan, promosikan negeri-negeri ini secara adil, buat liputan. Kalau tidak dapat maklumat dapatkan dari kerajaan negeri, ini tidak. Memang Perlis ini pun negeri yang kecil, bubuh peta begitu sahaja tunjuk sedikit Kuala Perlis lepas itu habis, dia tidak ada cerita lain.

Oleh sebab itu, saya percaya penuh kalau pihak kementerian berusaha untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut daripada Kerajaan Negeri Perlis, saya percaya perkara ini tidak berlaku dan inilah salah satu perkara yang patut diberi perhatian oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan supaya mempromosikan negeri-negeri di seluruh Malaysia ini secara adil, sebab bila kita cakap fasal pelancongan, kita bukan bercakap pelancongan ke Kuala Lumpur, ke Pulau Langkawi, ke Pulau Pinang dan tempat-tempat yang strategik sahaja, kita mesti beri perhatian kepada negeri-negeri termasuklah negeri Perlis, Kelantan, Terengganu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pertahanan. Di dalam peruntukan tambahan yang diberi di bawah kementerian ini, kita berharap pihak Kementerian

Pertahanan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Seri Syed Hamid Albar peruntukan tambahan ini tidaklah digunakan untuk membeli alat-alat pertahanan yang boleh merugikan.

Apa yang saya hendak sebut sekarang ini kita dapati lori-lori, kenderaan-kenderaan yang dimiliki oleh Kementerian Pertahanan sekarang ini kadang-kadang bila lalu di lebuhraya kita boleh berjumpa empat, lima buah di tepi jalan itu rosak. Ini menunjukkan bahawa kadang-kadang kita biarkan jentera-jentera peralatan yang ada itu begitu sahaja tanpa memberi pengawasan dan membuat pemeriksaan dari masa ke semasa. Kalau benda ini dibeli mahal-mahal, sebab sekarang ini kita bukan dalam musim perang, negara kita dalam keadaan aman, kalau hendak ada pun kita hantar pergi ke Bosnia, pergi ke tempat-tempat lain untuk memberi khidmat di bawah Bangsa-bangsa Bersatu, yang lain-lain tidak ada.

Oleh sebab itu, dalam keadaan ekonomi meleset ini kita hendaklah pastikan supaya perbelanjaan itu tidak dibelanjakan kepada perkara-perkara yang boleh merugikan lagi, kalau kita beli banyak alat kelengkapan, macam Rusia sekarang ini kapal selamnya dan sebagainya perbelanjaan untuk hendak menyelenggara itu sahaja cukup tinggi, jadi kalau kita beli dengan harga mahal, lepas itu maintenance cost, dengan izin, pun mahal juga, ini akan melibatkan perbelanjaan yang boleh menekan lagi ekonomi negara.

Oleh sebab itu, kita belilah alat-alat yang sekurang-kurangnya kalau hendak serang pun dia kena fikir dahulu, kita bukan perlu memikirkan ke arah hendak serang orang, kita memikirkan ke arah hendak mempertahankan diri sahaja dan kita bagi orang Islam dan orang-orang yang beragama lain pun kita kena serahlah kepada Allah S.W.T., dunia sekarang ini bukan senang-senang kecuali Iraq dahulu sahaja yang dia boleh serang sedikit, itu pun dia tahu dah iktibar lagu mana, perkara-perkara yang seperti ini tidak akan berlaku.

Oleh sebab itu, perbelanjaan di bawah kementerian ini hendaklah diberi perhatian dan saya percaya Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Pertahanan sendiri sudah memberi jaminan tidak akan membuat perbelanjaan yang boleh menekankan keadaan ekonomi kita.

Saya juga ingin menyebut berkenaan dengan di bawah peruntukan maksud B.31 - Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja di bawah Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Di sini Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja termasuk sekali Jabatan Imigresen, kita dapati baru-baru ini keadaan sesak berlaku di Tambak Johor di antara Singapura dan tanah besar dan begitu juga di kawasan sempadan lain. Memang kita bersetuju bahawa dalam proses hendak memudahkan perjalanan

keluar masuk di antara sebuah negara dengan negara yang lain itu memang kita kena berhati-hati. Tetapi janganlah jadikan alasan untuk hendak menjaga keselamatan sehingga menyulitkan keadaan perjalanan. Ini merugikan sebab kita tahu sekarang ini duit kita telah turun dan duit Singapura telah tinggi, jadi barang-barang kita menjadi murah, rakyat Singapura lebih suka datang ke sini. Oleh sebab itu, kita kena mencari jalan supaya mempercepatkan perjalanan orang-orang Singapura ke sini lepas itu balik. Dia tidak jadi masalah, kita kenalah mencari jalan, janganlah terlalu mementingkan soal birokrasi, titik bengkok hendak tengok itu dan ini, kalau sudah ada bukti sah dan sebagainya, kalau orang itu sudah ada di sini pun kalau Kerajaan Singapura sendiri boleh kesan, kita sendiri pun boleh kesan melalui agensi lain, cari jalan supaya memudahkan kemasukan pergi balik orang-orang Singapura masuk ke Johor. Cuma yang kita hendak perhatikan dari segi pemilikan, beli tanah, rumah dan sebagainya, itu perkara dalaman, ia tak berlaku di sempadan, ini hendak keluar masuk pun sudah susah dah, ini menggambarkan keadaan yang memang cukup teruk, kita patut menggalakkan kedatangan orang-orang daripada Singapura ke Johor Bahru supaya mereka boleh berbelanja wang yang banyak di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan kerajaan supaya lebih berhati-hati dan lebih berwaspada terhadap pegawai-pegawai yang cuba bersubahat dengan mana-mana pihak terutama sekali pihak Imigresen dan Kastam, sebab kita bimbang kadang-kadang walaupun syarat dikenakan tak boleh ada wang tunai dalam poket sekian-sekian banyak tetapi perkara di luar pengetahuan masih boleh berlaku, masakan tidak kalau tidak ia tidak masuk benda-benda yang dilarang pun boleh masuk juga, akhirnya dapat ditangkap, tentu perkara ini boleh berlaku kalau sekiranya kita tidak berwaspada dan tidak berhati-hati dengan tindak tanduk pegawai-pegawai. Kalau kita ada syak pegawai-pegawai sekian-sekian ini mesti pegawai-pegawai atasan memberi perhatian dan selalunya kita tidak berilah seseorang pegawai itu bertugas di sesuatu tempat bertugas terlalu lama, kita akan tengok balik kalau benda-benda yang kemungkinan akan berlaku ini kita tukarkan dia pergi ke tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan. Kita telah terbaca dalam surat khabar iaitu lebih kurang 1,500 pesakit buah pinggang dari golongan yang miskin terpaksa mati kerana tidak dapat peluang mendapatkan alat hemodialisis. Jadi, cubalah kita fikir tengok, orang-orang biasa yang sakit buah pinggang dengan hendak mengeluarkan wang RM3,000 hingga RM4,000 hendak mendapatkan kemudahan rawatan menggunakan alat itu memang susah.

Jadi, kalau ada badan-badan seperti pihak swasta mendermakan alat-alat mesin kepada hospital, pihak yang boleh menggunakan ialah orang-orang yang hampir dengan pegawai yang bekerja di situ ataupun orang-orang yang boleh berhubung melalui menteri dan sebagainya, orang itu sahaja, tetapi orang-orang biasa, mereka ini terpaksa menunggu, sebab itulah berlaku perkara yang disebut di dalam akhbar terpaksa menghadapi kematian kerana semata-mata tidak berpeluang dapat menggunakan mesin untuk membantu memulihkan keadaan itu. Perkara ini tidak harus berlaku kalau mesin itu disumbangkan oleh satu pihak tertentu maka pihak Kementerian Kesihatan mesti memastikan penggunaannya dibuat secara adil, sepatutnya Kementerian Kesihatan mempunyai rekod, tengok background orang-orang yang sekarang mendapat kesempatan menggunakan mesin ini dari golongan mana, kaum apa, jenis mana. Kita bukanlah hendak menimbulkan fasal apa, supaya kita dapat bukti, maklumat terperinci berkenaan orang-orang yang mendapat kesempatan ini. Dan perkara yang berlaku kematian yang tidak boleh menggunakan mesin ini tidak harus berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan Maksud B.39 - Jabatan Pendaftaran Negara. Saya dengar Jabatan Pendaftaran Negara akan memperkenalkan kad yang baru pula, katanya kad ini kad yang lebih canggih lagi, yang lebih dari segi keselamatannya memang boleh memberi jaminan. Kita telah mendengar di masa-masa lalu pun dan memang sepanjang masa ditukar, buat yang ini yang lebih elok lagi, yang ini pun macam itu juga. Dalam masa yang sama proses membuat kad pengenalan baru dan sebagainya masih lagi tidak selesai, lepas itu kad ini hendak ditukar pula.

Oleh sebab itu, pihak kerajaan mestilah sekurang-kurangnya membuat kajian dengan teliti dan kita tahu proses membuat kad pengenalan ini tidak terus berlaku sepanjang masa. Tetapi kalau hendak membuat pertukaran ini mestilah dibuat kajian supaya kerja tidak bertambah, orang yang tak dapat kad pengenalan lagi boleh dapat dalam jangka masa tertentu, jangan sampai akhirnya bila tukar pula kad pengenalan hak lama pun tak dapat, bila buat yang baru pun masih tak dapat lagi, sebab orang yang menjadi rakyat kalau tidak dapat kad pengenalan menjadi kesulitan bagi dia untuk hendak menguruskan hidupnya. Misalannya dia hendak berniaga, dia hendak pergi ke bank dan sebagainya, dia perlukan dokumen ini tambahan lagi kalau tidak ada surat itu tidak boleh pakai, setengah pihak bank tidak mahu menerima. Oleh sebab itu, pihak Jabatan Pendaftaran Negara hendaklah mencari jalan supaya masalah pendaftaran terutama sekali membuat kad pengenalan ini dipermudahkan mengikut proses undang-undang.

Saya juga ingin menyebut seperti rakan-rakan saya menyebutkan, kalau dari segi undang-undang kalau orang itu berkahwin, dia rakyat Malaysia dia berkahwin dengan rakyat negara lain, dia masuk dan kita ada bukti sah kata memang mereka ini duduk sebagai suami isteri sampai sekian-sekian masa, kita proseskan, dunia ini adalah tempat semua manusia, cuma yang jadi secara kebetulan sahaja orang ini mai duduk di tempat ini dahulu, dia jadi rakyat Malaysia, orang ini pergi duduk di situ, dia jadi rakyat India. Kalau pada saya asalkan dia boleh patuh kepada undang-undang negara itu, siapa sahaja mai, kita boleh memikirkan cara mana hendak memberi kerakyatan sejagat, kita bercakap sekarang ini masalah dan pemikiran global dan sebagainya, ekonomi, pendidikan secara global tetapi dari segi kerakyatan kita masih lagi menyulitkan. Saya fikir kalau sesiapa sahaja datang ke Malaysia dia melanggar undang-undang kita pasti mengambil tindakan tetapi bagi orang yang sanggup pergi ke negara itu dan ikut patuh kepada adat resam negara itu sampai masa beri kerakyatan, apa yang hendak kita susah-susahkan?

Oleh sebab itu, kerajaan kena fikir semula, kita janganlah jadikan alasan di dalam Perlembagaan itu untuk menyekat. Percayalah Allah S.W.T. bagi orang Islamlah, dia tahu apa yang berlaku, ini semua umat dia. Islam bukan hak orang Melayu sahaja, Islam adalah agama sejagat, semua bangsa yang masuk Islam jadi orang Islam dan di dalam ajaran Islam kita kena terima saudara-saudara yang masuk Islam itu sebagai saudara kita.

Kita tidak boleh klasifikasikan dia sebagai orang India, orang Siam, orang Cina dan sebagainya, kita kena terima atas hakikat agama. Oleh sebab itu kerakyatan ini kalau boleh hendaklah dipertimbangkan semula supaya kita juga memikirkan cara global. Asalkan dia tidak ada dua kerakyatan, dia hendak pilih jadi rakyat Malaysia - kita terima. Kita kena fikir secara terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut berkenaan dengan B.42 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Ini nampaknya mustahak. Saya syorkan supaya pihak kerajaan menubuhkan satu institusi yang akan menjalankan program patriotisme. Ini di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Tadi kerakyatan, saya kata siapa hendak jadi rakyat, kita beri jadi rakyat, tetapi dalam masa yang sama kita juga kena pupuk semangat patriotisme. Tidak ada makna kita tuntutan hendak jadi rakyat untuk mendapat kemudahan sedangkan taat setia kita masih boleh dipertikaikan.

Saya minta maaf kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang mungkin sebelum ini pernah sebut, saya sendiri kadang-kadang hairan mengapa dipertikaikan siaran berita waktu itu, waktu

ini, sedangkan kalau orang itu sebagai rakyat, Berita Perdana itu dia mesti faham bahasa Malaysia, dia boleh dapat maklumat berita yang bersangkutan negara kita dengan negara luar, cumanya kalau dia hendak dengar berita pasal kaum dia sahaja, itu memadailah kita adakan masa-masa tertentu untuk hendak siarkan aktiviti yang bersangkutan dengan kaum dia, ini hendak minta supaya dia pun sama taraf dengan kedudukan bahasa kebangsaan. Di manakah ada semangat setia kepada negara? Tak guna kita kata kita rakyat sedangkan kesetiaan kita masih boleh dipertikaikan.

Kita mesti faham bahasa Malaysia. Kita mesti boleh bercakap bahasa Malaysia sebab bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi negara. Kita tidak harus timbulkan lagi soal ini untuk Tamil, ini untuk Cina, ini untuk Siam dan sebagainya. Kita fikirkan untuk Malaysia. Sebab itu memadailah setakat kita ada program yang memberi peluang kepada kaum-kaum ini mengadakan aktiviti untuk mendapat laporan aktiviti dalam bahasa dia. Janganlah kita tuntutan terlalu banyak sangat sedangkan kita lupa apa hakikat matlamatnya. Kalau matlamat untuk hendak dapat berita, apakah rakyat Malaysia yang berketurunan lain tidak boleh faham bahasa Malaysia? Ini saya tidak faham, saya minta maaf, tetapi saya kena sebutkan benda ini sebab kadang-kadang kita lupa, kita ikut emosi kehendak kita sendiri dengan kaum kita sedangkan kita duduk di bawah satu bumbung, kita tidak tahu di mana kita. Oleh sebab itu program patriotisme ini mesti kita jalankan.

Sekarang ini kita tidak boleh nafikan bahawa kita sudah sampai ke satu peringkat. Saya cukup hormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tiap-tiap kali dia buat press statement, dialah orang yang tak berhenti-henti gunakan bahasa Malaysia, tetapi orang lain ada juga lepas itu cakap tak boleh, bercakap bahasa Inggeris termasuk menteri-menteri Melayu sendiri. Jadi oleh sebab itu, kita hendak kena lihatlah kita mesti buat sama macam kita cakap, jangan kita cakap lain dan kita buat lain, esok tidak jadilah kepimpinan melalui teladan. Saya bukanlah maksudkan Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri, sebab kadang-kadang mereka buat kenyataan di luar negara untuk makluman orang-orang lain, jadi kalau dalam negeri kita sahaja, kita kena utamakanlah. Sampai sekarang kadang-kadang kita bercakap bahasa Malaysia pun orang tak faham, tetapi kita kata kita adalah rakyat, cubalah kita fikirkan. Oleh sebab itu, kita mesti memberi perhatian dan kementerian ini mempunyai tanggungjawab untuk hendak memastikan rakyat kita tidak lagi dikenali sebagai kaum itu dan kaum ini.

Sekarang ini pun kalau kita tengok orang Sabah, orang Sarawak, orang Malaysia, cuma orang India sahaja kadang-kadang dia nampak warna itu berlainan sedikit, tetapi lama-lama nanti dia jadi

macam kita juga, dia akan nampak sama. Saya penuh yakin proses ini akan berlaku dan satu masa nanti akan sampai satu peringkat di mana orang India tidak lagi kalau pasukan bola sepak India lawan dengan Malaysia tidak lagi berbelah bahagi hendak sokong sebelah India atau sebelah Malaysia, dia kena pastikan sokong sebelah Malaysia, begitu juga kawan-kawan kita yang lain.

Saya juga hendak sebut di sini berkenaan dengan bantuan kepada orang-orang miskin, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kita dapati di sini orang tua-tua terutama sekali dan anak-anak yatim ini kadang-kadang kita rasa sedih juga dan mereka ini masih lagi boleh kita pergunakan untuk membuat kerja-kerja yang boleh memberi faedah kepada negara dan kepada diri mereka sendiri, misalannya buat kerja-kerja yang akhirnya kita bubuh di pusat kraftangan yang boleh kita jual, tetapi malangnya kadang-kadang kita abaikan, kita biarkan orang tua-tua ini duduk dengan tanpa memberi perhatian. Kalau boleh, biarlah kementerian menggunakan mekanisme yang ada di kampung-kampung, menggunakan JKK, menggunakan pertubuhan-pertubuhan yang ada untuk mendaftar dan mengumpulkan orang tua-tua yang tidak ada waris untuk hendak jaga ini supaya kita tempatkan di rumah-rumah kebajikan.

Sekarang kalau tidak silap, tiap-tiap negeri ada rumah kebajikan anak yatim, rumah kebajikan orang tua-tua yang tidak ada waris, rumah pemulihan bagi wanita-wanita dan remaja-remaja yang bermasalah pun ada juga. Cuma yang saya hendak ingatkan kita harap janganlah kadang-kadang bila ada derma daripada syarikat-syarikat swasta dan badan-badan tertentu, kita tengok ada setengah-setengah pengurusan di tempat-tempat kebajikan ini dibuat seolah-olah wang yang dikumpul itu boleh dibelanjakan dengan sewenang-wenangnya. Timbalan Perdana Menteri pernah mengingatkan wang yang didermakan, disumbangkan untuk kebajikan ini hendaklah dibelanjakan dengan cara berhemat, kita tidak boleh berbelanja dengan cara membazir. Jadi, ini adalah bidang tugas Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya memastikan kebajikan orang-orang yang patut mendapat bantuan ini diberi perhatian.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan B.43 Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, walaupun diberi peruntukan ini penyelarasan dan operasi tanah. Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah ini sampai sekarang bukan kata makin kurang, tetapi makin jadi rumit lagi. Ada setengah-setengah tempat orang memohon tanah kerajaan, bayar duit pertaruhan, sampai 10-15 tahun tidak tahu kedudukan lagi sama ada tanah itu boleh dibuat geran ataupun tidak. Saya juga kadang-kadang tidak faham sama ada masalah tanah ini terikat di bawah Majlis Tanah Negarakah ataupun di

bawah Pejabat Tanah Negeri. Kalau kita hendak fikirkan, tanah ini semakin kurang, makin lama tanah yang dibuat geran ini sudah semakin banyak, yang tak buat geran itu makin kurang, kalau adapun hak hendak pecah lot, ubah syarat, pindah milik dan sebagainya itu semua sudah ada geran.

Kita kena fikirkan orang-orang yang minta tanah ini adalah orang yang tidak ada tempat hendak buat rumah, rakyat miskin. Oleh sebab itu, kerajaan perlu memberi perhatian supaya pemohon-pemohon tanah kerajaan ini yang memang betul-betul tidak ada tanah dan memerlukan tanah untuk hendak hidup mesti diberi pertimbangan yang ada time frame, dengan izin. Kadang-kadang kita tidak tahu, dia bayar deposit, masuk permohonan dan sebagainya, selepas itu tanya, bila hendak proses? Dia kata, tak tahu. Ada setengah-setengah tempat itu pula dia proses ikut zoning. Selagi tidak sampai giliran zoning itu, maka sampai bila pun orang itu dok tunggu buat kerja usaha tanah itu tanpa geran.

Cuba fikirkan tanah yang bergeran dengan tanah yang tak bergeran ini mempunyai implikasi yang cukup besar. Tanah yang ada geran kadang-kadang geran itu boleh dicagar di bank untuk ambil duit hendak gunakan sebagai modal dan sebagainya. Tanah yang ada geran juga nilainya pun tinggi sedikit. Tetapi tanah yang tak ada geran ini seolah-olah perahu hanyut di laut yang bergelombang, tak tentu hendak sampai ke pantai waktu mana, keadaan nasib macam mana, dok buat kerja macam itu sahaja. Jadi, oleh sebab itu di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi ini janganlah dok beri perhatian tanah-tanah yang diminta hendak buat industri besar sahaja. Kalau diberi perhatian kepada masalah-masalah ini, dia hanya boleh selesaikan masalah ahli-ahli korporat dan pelabur-pelabur, tetapi masalah rakyat miskin masih lagi tidak boleh selesai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut Kementerian Penerangan. Pagi tadi sebelum saya datang ke Parlimen, saya tengok *Asia Business News (ABN)*, dia tunjuk semua keadaan negara, selepas itu sampai satu masa dia tunjuk keadaan di Malaysia, tetapi apa yang dia tunjuk gambar itu ialah dia tunjuk gambar dalam satu bar yang dimiliki oleh orang asing datang buka bar di sini yang minum arak. Orang Islam ada - wallahualam, saya tak tahulah, tetapi yang saya tengok itu muka bukan beragama Islam minum arak, selepas itu dia beri pula satu laporan, dia kata keadaan yang macam ini memang ada di Malaysia ini dan orang berminat masuk ke tempat itu. Kemudian habis sahaja gambar itu, dalam keadaan ekonomi meleset macam ini, dia tunjuk masjid. Ini yang saya nampak, saya tak tahu motif dia untuk apa? Dia tunjuk masjid, selepas itu dia beri seorang untuk terangkan, dia kata, dari segi agama Islam dilarang orang-orang Islam masuk ke bar pergi minum arak dan sebagainya, dia beritahu macam itu, tetapi mula tadi dia sudah tunjuk yang itu. Dia cerita macam itu bagaimana perbezaan.

Selepas itu dia bawa balik pula ke tempat karaoke, pusat hiburan dan di situ pula dia tunjuk ada orang yang bertudung. Yang pakai tudung ini duduk di meja. Dia kata, semua orang ini datang hendak cuba hiburan hati dan sebagainya.

Oleh sebab itu, saya mintalah supaya Kementerian Penerangan ini kalau setakat kita datang dalam Dewan ini bila dengar orang bercakap, selepas itu menteri cari jalan hendak jawab cara melepas sahaja, saya rasa kita tidak menghargai tempat yang mulia ini. Kita kata sahaja di dalam Dewan yang mulia, tetapi cara tanggungjawab kita jawab tak semulia mana. Oleh sebab itu, kita berharap supaya kementerian memberi perhatian dalam masalah semacam ini. Kalau sekiranya ada pihak yang kita beri kebenaran lesen untuk dia hendak siarkan melalui Astro dan sebagainya, kalau benda-benda yang macam ini boleh berlaku, pada pandangan saya kalau sekiranya orang yang mabuk pandu kenderaan, kita test semua itu sama ada dia Islam atau bukan Islam, kita boleh ambil tindakan.

Orang yang mabuk ini pada pendapat saya bukan setakat kira bawa kereta sahaja, dia buat kerja di bank, dia buat kerja dengan kerajaan pun tidak boleh dari segi undang-undang di bawah General Order dan sebagainya, dia tidak boleh minum arak. Jadi dari segi moralnya orang yang bukan Islam pun kalau tunjuk tempat minum arak, benda-benda yang macam ini pun sudah meruntuhkan imej kita, lebih-lebih lagi dia fax pula dengan masjid, selepas itu terangkan pula orang Islam tidak boleh, lepas itu dia tunjuk balik ada pula orang Islam yang pakai tudung pergi tengok bab ini. Saya nampak ini adalah satu perkembangan yang mempunyai niat jahat. Jadi, pihak kementerian kena berhati-hati. Kalau pihak-pihak yang kita beri lesen tidak boleh kawal, kita tarik balik lesen itu, kuasa ada pada kita. Kita benarkan mereka supaya beroperasi dalam keadaan yang terkawal, jangan jejakkan perkara-perkara yang kita larang. Kalau berlaku, ini kenalah diambil tindakan.

Begitu juga Kementerian Penerangan ini kadang-kadang kita tengok benda yang dia nampak bukan boleh memberi satu manfaat, satu didikan kepada orang ramai, dia biarkan. Memang kita akui sukar hendak kawal, tambahan lagi media sekarang ini lebih berorientasikan komersial untuk hendak mencari pelanggan ramai, orang suka tengok dan boleh buat duit. Tetapi percayalah kalau dunia ini kita hanya memikirkan soal hendak cari duit, soal keuntungan sahaja, maka dari segi Islam, Allah Ta'ala tidak akan memberi berkat dan kita tidak akan mendapat manfaat daripada benda yang kita buat. Oleh sebab itu, Kementerian Penerangan perlu mengawasi, perlu menguatkuasakan, sekarang kita tahu di Langkawi hendak ada pula satu channel lagi, hendak tambah lagi, kemudian ada lagi pelbagai tempat. Itu kita baru cakap media, dari segi televisyen dan sebagainya. Kita tidak sentuh lagi dari segi akhbar,

majalah, macam kawan-kawan kita sebut dahulu. Banyak benda yang berunsur negatif yang boleh mempengaruhi remaja kita terlibat dengan gejala sosial ini, bila timbul sahaja kita pening kepala dok fikir cara mana hendak cari jalan mengatasi, hendak membantu tolong kurangkan, hendak bendung, pergi tangkap, tak selesai, balik, selepas itu pergi tengok, jumpa lagi, benda ini tak habis-habis. Puncanya kita juga yang membenarkan benda ini boleh berlaku, selepas itu kita tak kuatkuasa betul-betul, kita dok cari jalan hendak selesai masalah yang tak akan selesai.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, fungsi Kementerian Penerangan sebenarnya ialah menyampaikan maklumat, memberi maklumat terkini, maklumat yang berfaedah kepada rakyat, maklumat yang berfaedah kepada negara, bukan maklumat-maklumat sampingan yang boleh meruntuhkan dari segi moral dan dari segi bangsa itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sebut berkenaan dengan B.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jangan bimbang kawan-kawan saya yang lain yang hendak bercakap, selepas ini kita sambung lagi. Timbalan Speaker kita cakap tadi, kita boleh sambung lagi minggu depan, boleh sambung lagi bahas ini. Apa yang saya hendak sebut mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini dari segi bidang tugas KEMAS. Kita tahu peruntukan tambahan ini diberi ialah kerana hendak memberi satu skim gaji kepada pegawai-pegawai KEMAS ini yang lebih baik lagi. Sekarang pegawai-pegawai KEMAS, pegawai penerangan luar sudah jadi pegawai tetap.

Apa yang saya hendak sebut sekarang ini bidang tugas pegawai-pegawai ini hendaklah dikenal pasti supaya ia menjadi mata, telinga dan mulut kerajaan. Yang kita tidak mahu sekarang ini, kita buat skim gaji yang elok, kita beri imbuhan dan sebagainya, tetapi dari segi khidmat, fungsi, manfaat yang diberi balik kepada kerajaan dan rakyat tidak seimbang dengan apa yang kita beri kepada mereka. Kita dapati kebanyakan pegawai-pegawai KEMAS sekarang ini kalau kita pergi semak betul-betul, kerja-kerja mereka ini perlu diberi perhatian, perlu diawasi, perlu ditingkatkan. Saya tidak tahulah, kadang-kadang mereka ini lebih pentingkan politik yang ada kepentingan untuk diri mereka dengan kumpulan-kumpulan yang mereka sokong. Itu yang kita tengok berlaku dan ini sudah tentulah dia tidak boleh memberi manfaat. Oleh sebab itu, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa selaku Menteri ini hendaklah kaji semula, kena fikirkan satu mekanisme untuk mengawasi tugas-tugas pegawai-pegawai KEMAS ini supaya menjadi lebih berkesan.

Saya tidaklah begitu kisah sangat tentang apa yang mereka boleh buat kepada saya kerana saya cakap perkara ini, sebab bagi saya matlamat dan kepentingan negara lebih penting daripada matlamat

politik peribadi saya. Apa maknanya kalau kita dapat kuasa, dapat kedudukan dalam politik sedangkan kerajaan di satu masa semakin terhakis. Oleh sebab itu, kita perlu beri perhatian walaupun kita tahu KEMAS ini adalah diwujudkan oleh kerajaan kita untuk membantu kita, tetapi dalam masa yang sama, kalau kerja itu memang tidak ada faedah dari segi kepentingan yang saya sebut tadi, banyak perkara yang kita boleh gunakan jentera KEMAS dengan JKK ini. Tetapi dalam banyak hal, soal dasar-dasar kerajaan banyak lagi yang tidak sampai kepada rakyat, sebabnya mereka kurang memainkan peranan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Kerja Raya. Saya tahu kadang-kadang benda-benda yang saya sebut ini saya boleh sentuh dalam masa bahas belanjawan, tetapi oleh kerana benda-benda ini adalah spesifik, khusus bersangkutan dengan perkara-perkara itu maka saya sebutlah perkara itu. Di dalam belanjawan ini mungkin kita bercakap cara umum begitu sahaja. Berkenaan dengan Kementerian Kerja Raya ini, dahulu bila kita kata JKR, orang beri maksud 'jangan kerja rajin - JKR', sekarang kita tengok JKR - 'jasa kepada rakyat'. Saya juga nampak orang mula kata sekarang ini JKR itu sepatutnya 'jaga kebajikan rakyat', 'jaga kepentingan rakyat' - itu yang penting.

Tetapi sekarang, misalannya kita tengok apa yang JKR buat, banyak berlaku pembaziran melalui JKR. Saya minta maaf kerana terpaksa sebut ini dan saya tahu risiko yang akan saya hadapi, tetapi saya sanggup terima segala-galanya. Saya berkata begitu, misalannya kita ada projek-projek besar yang kita buat tender secara tertutup (closed tender), negotiate tender dan sebagainya. Kalau kita buat peruntukan (estimate) kita sendiri dan kita banding dengan estimate yang JKR buat, jauh berbeza sangat. Jadi peruntukan yang melalui JKR itu kita nampak seolah-olah tidak ada satu badan lain yang tolong buat penilaian, buat penentuan supaya yang ini satu angka yang munasabah. Ini kena diberi perhatian supaya kerja-kerja peruntukan yang diserahkan kepada JKR untuk menjalankan satu-satu projek ini adalah munasabah dan tidak berlaku pembaziran, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi kita meleset dengan penurunan mata wang sekarang ini.

Kita tahu setengah-setengah projek mega memang kita tidak boleh tangguh, kita terpaksa jalankan kerana ini adalah kemudahan-kemudahan asas yang kita kena buat. Tetapi dalam masa yang sama, perbelanjaan yang kita beri, peruntukan yang kita beri itu kita kenalah belanja cara yang berhemat. Misalannya saya katakan tadi jalan-jalan yang kita tengok, kadang-kadang saya sendiri tengok kalau dia buat jalan tar semula, hari hujan pun kadang-kadang dia biarkan kontraktor ada tetapi technician tidak ada, tidak ada siapa pun tunggu, dia buat juga, pakai sembur dengan alat itu sekali, air hujan pun ada lagi, lepas itu dia laburkan tar ini, cuba bayangkan. Selepas itu tidak sampai sebulan,

dua minggu habis, lupus. Ini membazir, ini yang saya katakan tadi. Dia sudah kira sekaki berapa dia bayar, satu meter berapa bayar.

Pihak kontraktor, dia kira bawa mesin dan semua alat, hari ini dia kena buat kerja juga, sama ada hari hujan atau tidak hujan, dia kena buat kerja. Pihak JKR pula, saya tak tahulah, ini yang saya kata tadi, adalah perkara-perkara yang berlaku agaknya, tidak payah tungguhlah, selepas itu tengok siap sahaja, sign. Perkara-perkara yang macam ini saya kata pengawasan kena buat, kita kena ada pegawai. Sekurang-kurangnya bila projek itu berjalan (on going), mesti ada pegawai yang menjaga dan kalau boleh pegawai BPR pun kena ada juga, kena tunggu di situ dan tengok, sekali sekala kena check. Ini tidak, kita biarkan perkara itu berlaku.

Cuba kita bayangkan kita ada berapa panjang jalan. Lebuhraya sekarang ini begitu juga, saya hendak sebut, ini di bawah tanggungjawab JKR. Walaupun kita sudah beri kepada syarikat konsesi, kepada PLUS, kadang-kadang perbelanjaan melalui PLUS ini pun kena difikirkan juga. Kita tidak kawal, lepas itu dia tunjuk kira-kira, dia kata dia rugi, tak untung lagi. Macam mana tak rugi, beri bonus sekian banyak, gaji pegawai-pegawainya lebih daripada swasta lain, kadang-kadang tempat yang tak perlu dibaiki pun dia baiki juga, tempat yang tak perlu ada tiang dia bubuh juga, sebab dia tahu kalau buat perbelanjaan, kontraktor dapat, dia pun tumpang dapat sedikit, jadi siapa hendak kawal di dalam syarikat konsesi macam ini. Ini semua mesti diberi perhatian sebab ini adalah duit rakyat, sama ada kita terikat dengan perjanjian atau tidak, itu kerja yang kita buat yang boleh kita semak semula. Mereka ini masih lagi terikat dengan kerajaan. Kita hendaklah awasi. Jangan bila kita dengar mereka minta hendak menaikkan harga tol, sekian-sekian tahun kita sudah beri, tiba-tiba tak sempat lagi kita bawa bincang ke Kabinet untuk dapat tahu maklum balas dan sebagainya, kita sudah diumumkan kemungkinan akan naik, selepas itu akan ditangguh dahulu, akan dibuat kajian. Jadi, perkara-perkara ini mengurangkan keyakinan.

Satu lagi saya juga hendak sebut perkara yang penghabisan, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sikap setengah-setengah pegawai kerajaan yang kadang-kadang bila ada benda-benda yang dia tak boleh selesai on the spot, dia kata yang ini menteri yang buat pengumuman, yang ini baru buka, sebenarnya dia tak tahu. Bila tiba masalah orang kompelin, dia kata dia mana tahu, ini kerajaan punya pasal. Pegawai-pegawai yang macam ini sepatutnya ketua-ketua jabatan kena ambil perhatian dan boleh ambil tindakan. Mereka tidak boleh jawab kepada orang awam yang pergi berurusan sama ada di kaunter dan sebagainya menyalahkan semula kepada kerajaan. Dia hanya menjalankan tugas sahaja,

yang ini menteri yang buat pengumuman, yang ini pegawai ini yang beri arahan macam ini, tetapi dia tak tahu, tak boleh macam itu. Dia mesti cari jalan memberi satu penjelasan yang rakyat boleh terima dan dia adalah anggota kerajaan yang makan gaji dengan kerajaan.

Kita bimbang lama kelamaan kalau kita biarkan, yang saya sebut ini di jabatan kerajaan, saya tak sentuh lagi di badan-badan swasta termasuk institusi-institusi kewangan, di bank-bank dan sebagainya yang mana boleh panggil penceramah-penceramah daripada parti pembangkang, diberi ceramah dok hentam balik kerajaan dan sebagainya, beri benda-benda negatif suruh kita menentang. Kita kena perhati ini. Misalannya saya kata macam ini ada pegawai-pegawai di JPI, bila pergi hendak tuntutan balik, dia beri alasan, kata yang ini di peringkat menteri dan sebagainya, dia tidak boleh buat apa. Begitu juga Pejabat Tanah, begitu juga Jabatan Pendaftaran Negara, begitu juga jabatan-jabatan lain yang terlibat. Oleh sebab itu, pegawai-pegawai ini kena pergi kursus dan pegawai-pegawai ini adalah terikat, mesti bertanggungjawab dalam satu-satu kes. Dia mesti beri perhatian dan memberi penjelasan memihak kepada kerajaan. Kalau dia tak sanggup buat macam itu, dia kena berhenti. Dan kalau dia memihak parti pembangkang, berhenti, masuk parti pembangkang dan lawan dalam pilihan raya. Itu keputusan yang paling baik sekali. Kalau yang duduk dalam kerajaan, makan gaji dengan kerajaan, kerja tak buat, tolong hentam balik, apa masalah, dia kata ini menteri punya pasal, ini bukan pegawai kerajaan. Kita kena ambil tindakan terhadap mereka ini.

Saya ingin menyebut yang akhir sekali, di dalam PPK, LPP di negeri Perlis. Ada pegawai-pegawai atasan LPP di negeri Perlis dan benda ini pun sudah ada di dalam pengetahuan pihak kerajaan negeri yang menggunakan kesempatan untuk memihak sebelah parti pembangkang. Dahulu kita pernah dengar seorang pengurus PPK di satu tempat bila sampai masa pilihan raya, waktu sebelum itu memang dia menjalankan dakwah-dakwah yang bercanggah dengan kerajaan, dia letak jawatan, masuk bertanding lawan balik dengan calon kerajaan. Inilah menunjukkan kata benda ini ada berlaku. Sekarang pun mereka boleh bebas panggil penceramah sama ada penceramah itu pro kepada parti pembangkang dan sebagainya pergi beri ceramah mempengaruhi pegawai-pegawai lain untuk membenci kerajaan. Sebab itulah saya mengingatkan pihak Jabatan Perdana Menteri dan pihak Menteri Kewangan yang membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini supaya jangan sahaja menambah peruntukan tambahan bagi pegawai-pegawai ini sedangkan masalah-masalah yang saya timbulkan tadi tidak diberi perhatian dan tidak dikenal pasti oleh pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab tadi.

Oleh yang demikian, dengan ulasan yang saya beri tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan untuk maksud-maksud yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah.

4.54 ptg.

Puan Hajah Ramlah binti Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana sentiasa prihatin dan peka terhadap semua masalah yang dikemukakan oleh jabatan dan kementerian sehingga dapat membawa satu rang undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 1997 dan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan akan diluluskan, insya-Allah, oleh Dewan Negara dan seterusnya akan dilaksanakan bagi kepentingan rakyat jelata keseluruhannya.

Walaupun negara kita ketika ini sedang dilanda krisis mata wang, tetapi kita masih mampu untuk meluluskan rang undang-undang ini dan ini dengan jelas membuktikan kepada negara luar dan masyarakat dalam negara kita bahawa kita masih mampu untuk mengendalikan negara ini dan keadaan ekonomi masih bertahan. Kita sama-samalah berdoa agar pemimpin-pemimpin kita diberi kekuatan kesihatan yang baik dan diberi petunjuk dan jalan yang mudah bagi menyelesaikan masalah dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah sekarang dan kita sebagai rakyat jelata yang telah banyak menikmati hasil perjuangan negara seharusnya menunjukkan perpaduan yang kuat bukan sahaja dari golongan kerajaan bahkan seluruh rakyat termasuk parti pembangkang kerana negara luar sedang menumpu dan memerhati negara ini untuk melihat kepincangan dan jika ini berlaku, maka inilah matlamat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana kita mempunyai pemimpin yang bercita-cita tinggi untuk membawa negara Islam ini ke mata dunia dan untuk menjadikan rakyat di negara ini keadaan lebih baik dunia dan akhirat dari masa ke semasa. Jadi untuk itu, kita kenalah beri semangat yang kuat kepada pemimpin kita agar mereka lebih bertenaga, lebih kuat berazam untuk menyelesaikan masalah kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang rakyat seperti kita dalam Dewan ini tentulah memahami keadaan sekarang dan saya yakin ini adalah satu tugas kita bersama-sama pemimpin, tetapi bagaimana pula dengan rakyat bawahan. Pelbagai cerita dan isu telah ditimbulkan yang menjadikan rakyat dalam keadaan curiga dan serba salah dan menakutkan, tambahan pula ada yang menyebarkan

berita-berita yang kurang tepat. Oleh itu, saya harap kepada Kementerian Penerangan agar menjalankan gerakan perangan menyeluruh dengan secepat mungkin khususnya berkait dengan harga barangan semasa kerana tidak lama lagi kita akan menyambut bulan puasa dan menyambut pula dua hari raya iaitu Aidilfitri dan Tahun Baru Cina.

Kepada Kementerian Dalam Negeri, walaupun saya nampak dalam budget ini tidak ada kerana saya ingat sudah cukup, kita berharap agar dapat berhati-hati tentang berita-berita yang boleh merosakkan keadaan dan musuh negara bukan sahaja dari luar negara tetapi harus diteliti juga di dalam negara sendiri. Saya rasa musuh dalam negara adalah lebih merbahaya.

Saya menyentuh tentang Maksud B.13 berkaitan Kementerian Kesihatan, kita tidak nafikan tugas-tugas yang dijalankan di bawah kementerian ini adalah lebih baik dari masa ke semasa tetapi masih kedapatan pegawai-pegawai atau kakitangan ini mempunyai sikap pilih bulu, membeza-bezakan orang berpangkat dan rakyat miskin. Kita sudah mencapai kemerdekaan lebih daripada 40 tahun, tetapi perkara ini masih berlaku. Begitu juga kelewatan bertindak apabila berlaku sesuatu kes terutama kes kematian. Diharap perkara-perkara ini walaupun jarang-jarang berlaku, tetapi kalau ini diambil perhatian dan ingat selalu dari masa ke semasa, insya-Allah, masalah itu akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun mendengar lebih dua hari membincangkan berkaitan dengan belanjawan ini, jadi saya rasa tidak perlulah saya hendak mengkaji ataupun menyentuh satu persatu sebagaimana rakan-rakan kita tadi, cuma saya mengharapkan kepada pihak-pihak tertentu agar segala masalah yang timbul tadi akan dapat diambil perhatian dan dapat menyelesaikan masalah itu.

Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan saya menyokong atas rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah.

5.00 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997.

Saya menyokong rang undang-undang ini kerana sepertimana yang kita maklum, perbelanjaan yang di luar daripada jangkauan perbelanjaan 1997 ini adalah perlu untuk meneruskan kegiatan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dalam tempoh yang berkenaan. Dengan adanya

peluang ini, izinkan saya memberi serba sedikit pandangan saya ke atas beberapa perkara yang terkandung dalam rang undang-undang yang sedang kita bahaskan ini.

Pertama sekali, ialah peruntukan tambahan bagi Jabatan Perkhidmatan Bomba, B.16 yang berjumlah sebanyak RM5,415,700 yang mana saya percaya sebahagian besar daripadanya adalah untuk membiayai pengurusan semula organisasi Jabatan Bomba dan Penyelamat. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah memberi peruntukan tambahan ini yang mana adalah penting untuk membolehkan jabatan berkenaan menjalankan tugas mereka yang semakin bertambah. Sepertimana yang kita maklum, tugas anggota-anggota bomba kita ini bukan sahaja memadam api semasa kebakaran, tetapi juga menyelamatkan orang ramai dari bermacam-macam kemalangan termasuklah kemalangan di jalan raya. Baru-baru ini tugas mereka semakin bertambah dan mencabar apabila perkhidmatan mereka diperlukan dan mereka telah dihantar ke negara jiran untuk memadam kebakaran hutan. Kita mengucapkan tahniah kepada jabatan berkenaan kerana telah menjalankan tugas mereka dengan baik dan saya percaya tentu sekali ianya disanjung tinggi oleh semua rakyat Malaysia.

Sehubungan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya semua ahli anggota bomba kita yang terlibat dalam usaha memadam kebakaran ini diberi perhatian rapi dari segi kesihatan mereka secara berterusan kerana saya percaya kesan daripada jerebu, asap dan habuk kebakaran itu yang mana tidak dapat dikesan pada masa sekarang, mungkin akan timbul di masa hadapan yang mana boleh merosakkan dan membahayakan kesihatan mereka ini, sepertimana yang kita lihat pada masa sekarang terdapat beberapa orang daripada mereka telah jatuh sakit.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh peruntukan tambahan bagi Kementerian Pertanian, B.19 di mana keseluruhan tambahan itu adalah untuk membiayai skim subsidi baja padi. Sehubungan dengan ini, saya ingin menyentuh masalah yang mana timbul baru-baru ini yang disebabkan oleh ura-ura kenaikan harga minyak makan yang dihasilkan daripada kelapa sawit. Perkara ini telah merunsingkan rakyat jelata kerana ianya melibatkan keperluan harian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kehebohan ini ada sesetengah orang ramai mencadangkan supaya kita menggunakan minyak kelapa. Ini adalah saranan yang baik tetapi minda orang ramai terhadap minyak kelapa sudah berubah pada hal dari masa nenek moyang kita dahulu sebelum kita kenal dengan kelapa sawit, sumber minyak makan kita yang paling besar ialah minyak kelapa yang mana juga boleh digunakan untuk membuat sabun dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, orang ramai sudah kurang berminat makan minyak kelapa kerana ianya dikatakan mengandungi kolesterol yang tinggi, manakala minyak kelapa sawit seperti yang dipromosikan oleh kerajaan dan mengikut kajian yang dibuat hanya mengandungi sedikit sahaja kolesterol. Selain dari ini, mungkin juga kos mengeluarkan minyak kelapa tidak dapat bersaing dengan pengeluaran minyak kelapa sawit, maka ianya sudah menjadi tidak ekonomik untuk menghasilkan minyak dari kelapa.

Saya ingin membawa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini balik kepada suatu ketika apabila rakyat kita di kampung-kampung yang mengusahakan tanaman kelapa mengalami kemerosotan harga jualan kelapa kerana berhadapan dengan saingan di pasaran. Pada masa itu Yang Amat Berhormat Tan Sri Sanusi Juned, Menteri Besar Kedah sekarang selaku Menteri Pertanian pada masa itu telah menggalak rakyat supaya banyak minum air kelapa yang mana dikatakan mempunyai banyak khasiat yang baik selain daripada sedap. Pada ketika itu harga air kelapa muda telah meningkat kerana banyak orang sudah mula ataupun bertambah minum air kelapa. Banyak publisiti mengenai kelapa telah disiarkan dalam surat khabar dan lain-lain media. Usaha Yang Amat Berhormat Tan Sri Sanusi Juned telah berhasil menaikkan taraf kelapa sekurang-kurangnya air kelapa muda.

Tuan Yang di-Pertua, dari renungan masa silam itu tadi saya berharap Kementerian Pertanian akan membuat banyak lagi kajian ke atas kandungan buah kelapa untuk mencari ataupun mengeluarkan klon yang tidak banyak mengeluarkan kolesterol. Nasib orang-orang kita di kampung yang menanam kelapa mungkin akan dapat menjadi cerah sekiranya kajian dibuat ke atas kelapa dari segi kesan kosnya dan juga kegunaannya untuk bersaing di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh peruntukan tambahan dalam Kementerian Pendidikan, B.26. Dengan adanya peluang ini saya sekali lagi menyuarakan hasrat rakyat jelata di Sarawak terutama sekali yang tinggal di pedalaman yang terpencil semoga anak-anak mereka juga dapat bersama-sama menikmati kemudahan yang ada hasil dari kemajuan negara. Saya tidak akan memberi butir-butir yang terperinci kerana ianya sudah banyak kali disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini dan mungkin juga ianya akan dihuraikan dengan panjang lebar di lain masa kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kami rakyat di Sarawak semuanya berterima kasih dengan Kerajaan Persekutuan kerana telah memberi banyak kemudahan kepada kami dari segi pendidikan, tetapi perkara-perkara yang disebutkan tadi perlu juga dibaiki kerana ianya melibatkan rakyat jelata yang miskin dan kurang bernasib baik seperti yang berada di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa peruntukan untuk membaiki ataupun menubuh sekolah, asrama dan juga rumah guru-guru di Sarawak sudah ada diberi, tetapi pelaksanaannya yang dijalankan oleh jabatan yang lain didapati terlalu lambat. Maka di sini saya ingin menyarankan supaya sistem pelaksanaan ini diubah dan dibaiki supaya rakyat yang kurang bernasib baik akan dapat bersama-sama kita menikmati pembangunan negara kita.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh peruntukan Jabatan Pendaftaran Negara, B.39. Peruntukan tambahan untuk jabatan ini adalah untuk membeli, dengan izin, desktop bagi pengeluaran Kad Pengenalan Bermutu Tinggi dan penyelenggaraan peralatan kad bermutu tinggi ini. Rakan saya dari Sarawak, Yang Berhormat Tuan Ding Seling telah menghuraikan dengan panjang lebar tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat di pedalaman untuk membuat kad pengenalan. Saya percaya masalah yang sama juga dialami oleh rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan pedalaman di negeri-negeri yang lain seperti di Sabah.

Apa yang ingin saya kemukakan di sini ialah masa yang begitu lama bagi jabatan berkenaan mengeluarkan kad pengenalan baru. Saya telah difahamkan bahawa ada rakyat yang belum lagi menerima kad pengenalan baru mereka lebih daripada 12 bulan seperti yang ditulis dalam surat untuk mengambil kad baru itu. Saya berharap dengan adanya alat yang canggih yang dibeli dalam peruntukan tambahan ini, pembuatan dan pengeluaran kad pengenalan baru akan dapat dibuat dalam masa yang ditetapkan.

Kelima, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh peruntukan tambahan ke atas Kementerian Kerja Raya, B.52 di mana RM35,400,000 adalah untuk membiayai projek khas penyelenggaraan. Sehubungan dengan peruntukan tambahan ini, saya berharap pihak yang berkenaan di masa-masa yang akan datang akan dapat menyelaras kerja penyelenggaraan dengan sebaik-baiknya, dengan cermat dan berjimat. Saya khawatir peruntukan tambahan seperti ini yang mungkin dibuat secara terdesak dan melulu akan menaikkan kos penyelenggaraan. Saya juga kadang-kadang hairan apabila melihat ada kerja-kerja yang dapat dibuat serentak tetapi terpaksa dibuat secara bergilir-gilir sehingga barang yang sudah siap terpaksa dibongkar lagi untuk membuat kerja yang lain. Ini tentu sekali akan memakan perbelanjaan yang besar yang mana dapat dielakkan sekiranya kerja-kerja itu diselaraskan bagi tiap-tiap jabatan yang berkenaan dari peringkat awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai peruntukan tambahan bagi Parlimen. Ini mungkin penting untuk setengah-setengah daripada kita iaitu berhubung dengan tempat

letak kereta. Nampaknya tempat letak kereta kita sudah tidak mencukupi sehingga susah bagi kita hendak meletakkan kereta pada waktu yang tertentu. Jadi, di sini saya berharap usaha akan dibuat untuk menambahkan lagi tempat letak kereta.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya dalam perbahasan ini, saya ingin menyuarakan sokongan rakyat Malaysia di Sarawak ke atas usaha Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri yang kita kasihi untuk menangani krisis mata wang kita. Kita harus berdiri teguh menyokong beliau kerana apa yang beliau sarankan itu adalah perkara yang benar yang mana belum ada lagi ketua-ketua negara lain yang berani menyuarakan perkara ini. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir berani menyuarakan perkara yang difikirkannya benar, sehingga sekarang sudah banyak negara lain memperakui kebenaran ke atas apa yang telah diucapkan oleh beliau di forum-forum antarabangsa selama ini. Usaha 34 ahli Kongres Amerika untuk memperburukkan beliau mesti kita tentang dan halang berasas kepada prinsip demokrasi.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997 sekali lagi. Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli.

5.15 ptg.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Syukur alhamdulillah, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya, mungkin Tuan Yang di-Pertua cuba torture saya pada hari ini tiga kali, tetapi alhamdulillah, saya merakamkan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin untuk bersama-sama membahaskan rang undang-undang yang dibentangkan iaitu Perbekalan Tambahan 1997. Saya berhasrat untuk bercakap pendek kerana Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki telah melihat kepada saya, sebagai Timbalan Presiden Kelab, saya mesti akur kepada dia kerana mungkin ada satu dua lagi sahabat untuk membicarakan masalah dan pandangan kepada rang undang-undang yang sama-sama kita bentangkan ini. Saya tidak berhasrat untuk membincangkan semua maksud yang telah dijadualkan (tabled) pada hari ini.

B.1, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Parlimen. Sama ada ianya berhubung kait ataupun tidak, tetapi kalau boleh Jabatan Parlimen dapat sedikit sebanyak menggunakan peruntukan ini ataupun peruntukan yang lain kerana semasa saya memasuki Dewan Negara pada awal tahun ini kita mempunyai sebuah komputer di bilik minum. Dan sesuai dengan teknologi maklumat yang

diperkatakan oleh pemimpin negara, maka sebagai kumpulan daripada pemimpin yang satu komponen dalam Parlimen, sudah sewajarnya ahli-ahli Dewan Negara diberi kemudahan-kemudahan yang sesuai sealiran dengan suasana semasa dan termasuk juga dengan peralatan-peralatan televisyen dan sebagainya. Perkara ini tidak mahal tetapi kadang-kadang benda kecil seperti ini ianya menyusahkan suasana kita. Jadi saya rasa bolehlah pihak urusetia bersama-sama selepas ini menyediakan beberapa kemudahan yang sepatutnya ada di sebuah Parlimen seperti kita.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya mengikuti dari awal hingga akhir dan hari ini ada full flash dalam akhbar berkenaan dengan peranan Petronas dalam membangunkan usahawan Malaysia, termasuk juga usahawan Melayu dan usahawan bukan bumiputera tetapi perjuangan (struggle) yang ada pada kita sekarang ini ialah masalah ketidaksempurnaan pengurusan Petronas dalam menjaya dan membangunkan usahawan Malaysia sama ada usahawan bumiputera ataupun usahawan bukan bumiputera, jadi contoh-contoh telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali semalam.

Maka saya ingin menambah satu dua program yang diumumkan oleh kerajaan beberapa tahun yang lalu iaitu program vendor. Program vendor ini bermaksud adalah untuk membangunkan usahawan sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera khususnya melalui beberapa agensi yang dikorporat ataupun diswastakan, termasuk perbadanan seperti Petronas, Telekom, TNB dan lain-lain. Hampir keseluruhan program vendor, mengikut pandangan Dewan Perniagaan Melayu dan Persatuan Kontraktor Melayu, saya tidak tahu NCCIM, kita lihat penghakisan program ini agak terhakis dan hampir 90% program vendor di Petronas khususnya kepada pembangunan kontraktor dan usahawan serta pembekal bumiputera hampir gagal.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali semalam, saya ingin merakamkan permintaan dan permohonan saya kepada kerajaan terutamanya Petronas yang kita tahu penglibatan pelaburan kepada syarikat-syarikat anak setakat Mac

1997 tahun ini sahaja, sama ada dalam dan luar negeri, hampir RM8.3 bilion. Jadi, suasana ini sebagaimana kita perkatakan perlu ada satu program jangka panjang, program yang sepatutnya dihidupkan semula kerana kita tahu bahawa keyakinan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang berkaitan dengan Petronas dan Petronas sendiri dilihat tidak berapa yakin dengan kebolehan ahli-ahli profesional Malaysia sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera.

Sebab itulah kita nampak apabila ada projek-projek baru yang menelan belanja RM600 juta, RM1 bilion dan sebagainya, kita nampak keyakinan pegawai-pegawai kanan daripada Petronas melantik juruperunding daripada luar negara. Sepatutnya dalam suasana yang sudah sebegini, kita patut meletakkan juruperunding daripada rakyat Malaysia kerana pada biasanya pelaksanaan kerja banyak bergantung kepada spesifikasi daripada pandangan (idea) ataupun pendapat daripada juruperunding.

Jadi, pada hari ini kalau boleh kita mahu selain daripada kerja-kerja sama ada pakar atau tidak pakar, kita memberi keutamaan secara mutlak kepada juruperunding tempatan dan juga kepada kontraktor tempatan sebagai lead company. Kadang-kadang silapnya kita sendiri tidak memberi keyakinan kepada diri kita sendiri, maka sesebuah syarikat daripada luar negara tidak mungkin dapat memahami cita rasa, suasana, budaya perniagaan yang berada di negara kita. Kita berkemungkinan ada syarikat public listed first board di negara kita yang terlibat secara langsung dalam pembangunan petrokimia, minyak dan gas di Malaysia. Mengikut senarai yang ada, lebih daripada 10 syarikat bertaraf ini mampu menjadi lead contractor untuk membangunkan kilang-kilang petrokimia ataupun membangunkan pipeline, gas terminal dan sebagainya. Jadi, apabila syarikat negara kita sendiri menjadi lead company yang menggabungkan syarikat luar negara sama ada Jepun dan lain-lain, maka sekurang-kurangnya syarikat tempatan dapat menterjemahkan sebahagian daripada hasrat dan cita rasa politik negara kita dan kerajaan untuk memberi peluang kepada kontraktor ataupun usahawan tempatan. Jadi, dalam hal-hal begini kegagalan program-program kecil terutamanya seperti vendor adalah merupakan satu kegagalan yang amat besar yang sedang berlaku khususnya di Petronas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang demikian, satu penyusunan dan pengkajian semula oleh kerajaan adalah perlu kerana kita melihat suasana agak gawat apabila setiap masa ada kita melancarkan projek-projek gergasi. Projek-projek besar berlaku berkaitan dengan petrokimia, minyak dan gas ini kepada empat negeri iaitu Sabah, Sarawak, Melaka dan Terengganu. Sekarang ini negeri yang kelima iaitu Pahang. Jadi suasana ini sedikit sebanyak memberi satu kelemahan jangka panjang kepada dasar pembangunan usahawan yang dikehendaki oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Utama, saya sebenarnya salah seorang daripada pencinta alam sekitar (environmentalist) walaupun saya sendiri merokok ditegur, tetapi pada sidang hari pertama iaitu pada 1 haribulan, kita telah dapat penerangan daripada Timbalan Menteri Perusahaan Utama menceritakan kepada kita berkenaan dengan Dasar Perhutanan Negara. Dalam suasana yang gawat pada bulan lalu berkenaan dengan jerebu dan juga setengah-setengah tempat ketidakcukupan bekalan air, sebenarnya kita terpaksa kembali kepada masalah asas (basic) kepada keperluan-keperluan kita. Jadi keperluan asasi kita seperti air, alam sekitar, sebenarnya hampir 90% bergantung kepada suasana keadaan dan juga kedudukan perhutanan ataupun jumlah keluasan (acreage) hutan kita. Kita nampak pulangan daripada pengilangan, usaha-usaha hiliran daripada perhutanan ini tidak nampak banyak yang dapat dikutip oleh negara apabila kita melihat kepada belanjawan sedangkan kita terpaksa melihat kos perbelanjaan kita di masa hadapan. Sekali kita berhadapan dengan jerebu, sudah berapa juta ringgit dan berapakah kerahan pekerja-pekerja bomba untuk sama-sama kita menyelamatkan suasana.

Jadi dari segi jangka panjangnya, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon supaya Dasar Perhutanan Negara dapat dikaji semula dan kalau boleh satu dasar baru terutama sekali dalam dasar hutan simpan kekal (permanent forest reserve) tidak dibenarkan lagi dibalak kerana kita tahu bahawa kedudukan sungai-sungai kita, melalui program Kementerian Pertanian ada ceritakan sungai, tetapi apabila berlaku hujan yang agak lebat, kita nampak airnya tidak sejernih seperti dahulu. Kalau kita melihat kepada pembangunan kampung dan luar bandar pun masih tidak berlaku perkara-perkara yang boleh memberi faedah yang besar kepada rakyat dan penduduk-penduduk persekitaran pembangunan dan pembalakan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan untuk difikirkan bersama supaya kita menyediakan satu pelan dan mengkaji semula Dasar Perhutanan Negara. Kadang-kadang kita bercakap di peringkat pusat agak baik, tetapi oleh kerana kuasa membalak ini banyak bergantung kepada kerajaan negeri yang mana bergantung di bawah Enakmen Perhutanan itu sendiri, jadi kadang-kadang kita menyediakan dasar yang baik di peringkat nasional, tetapi ianya tidak dapat dilaksanakan di peringkat negeri-negeri. Jadi ada baiknya dasar ini dikaji semula supaya satu input baru dapat kita laksanakan di

bawah Dasar Perhutanan Negara moga-moga kita dapat menyelamatkan dari segi jangka panjangnya supaya hutan kita dapat diselamatkan dan dalam masa yang sama dapat menjaga iklim, dapat menjaga mutu air kita dan juga dapat menjaga masa depan generasi bangsa kita.

Jadi saya cadangkan supaya bermula dalam kajian ini diletakkan satu konsep baru iaitu pembalakan sifar (zero logging). Mungkin perkara ini benda baru, tetapi kadang-kadang kita tidak dapat menterjemahkan di peringkat akar umbi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri senantiasa melihat kebersihan udara sebagai aset yang paling penting untuk negara. Kebersihan air adalah merupakan aset yang maha penting untuk rakyat dan negara, tetapi kita tidak menyediakan satu pelan jangka panjang yang boleh memberi faedah kepada generasi kita dan juga negara kita.

Dalam suasana yang sedang berlaku sekarang, satu kajian yang menyeluruh berkenaan dengan kedudukan hutan simpan melalui pensifaran pembalakan harus dilakukan serta-merta dan beberapa industri yang berkaitan harus dikorbankan demi untuk menjaga masa depan sungai, air dan juga iklim kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara ini mendapat kerjasama juga daripada kerajaan-kerajaan negeri supaya tidak melihat pembalakan sebagai satu daripada industri yang membanggakan. Pembalakan sebenarnya merupakan satu industri yang memusnahkan. Pembalakan tidak dapat melahirkan usahawan yang boleh dilihat sebagai usahawan jangka panjang (long-term businessman) untuk membangunkan negara kerana kita tahu bahawa untuk membina satu-satu hutan simpan kita memerlukan ratusan tahun. Jadi kalau boleh pegawai di Kementerian Perusahaan Utama, kalau ada pada hari ini, dapat menyediakan satu pandangan kepada Kementerian Perusahaan Utama untuk melihat dan mengkaji semula Dasar Perhutanan Negara khususnya yang berkaitan dengan penyeragaman di peringkat pusat dan negeri dan konsep pensifaran pembalakan harus dilaksanakan oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan B.2 iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, kita banyak menerima publisiti berkenaan dengan pelancongan tetapi kita sekarang ini agak hampir terhakis dari segi publisiti dan gerakan negara untuk menyediakan satu kebudayaan nasional yang seragam di peringkat pusat dan negeri-negeri. Jadi perkara ini harus ditekankan semula. Mungkin rakyat kita agak terhakis dari segi kecintaan kita kepada budaya negara kita dan satu piawaian (standard) harus diberi perhatian semula oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan supaya budaya Malaysia, dasar kebudayaan kita dapat digerakkan semula. Kalau di awal 70-an dan

awal 80-an kebudayaan merupakan satu daripada cara kita menyembahkan sikap dan juga cara hidup rakyat kita.

Kita berkesempatan pergi ke negara-negara luar. Sebenarnya satu identiti khas untuk rakyat Malaysia agak kabur sekarang ini. Jadi, satu pelan ataupun dasar kebudayaan harus dilihat sebagai penting, kerana apabila ada lawatan daripada pemimpin-pemimpin dari negara lain, kita tidak dapat memaparkan terutama sekalil berkaitan dengan kebudayaan dan kesenian Malaysia.

Kita dapat terima sebagai sebuah masyarakat majmuk, umpamanya dari segi silat, mungkin dilihat sebagai satu kebudayaan yang baik ataupun seni yang baik untuk orang Melayu dan juga tarian singa, mungkin orang Melayu sudah boleh terima di upacara dan majlis. Jadi, inspirasi kita untuk mewujudkan satu kebudayaan dan kesenian secara menyeluruh, supaya ianya dapat diterapkan kepada generasi kita di masa yang akan datang adalah penting. Kadang-kadang kita melihat faktor perekonomian yang lebih penting daripada faktor-faktor yang sebenarnya menjadi tunjang kepada pembangunan negara dan pembangunan bangsa.

Saya tidak dapat menyatakan pada hari ini jenis-jenis cara seni atau bentuk seni yang harus diperkukuhkan oleh kementerian bagi kita memaparkan pada rakyat kita supaya satu bentuk kebudayaan dan kesenian nasional dapat diperkukuh dan diperkenalkan semua strata masyarakat kita. Moga-moga kalau ini dapat dilihat bukan sahaja dalam aspek ekonomi, tetapi dalam aspek meletakkan kebudayaan dan kesenian negara kita ini sebagai satu daripada aset

yang non profit, tetapi ia sebenarnya dapat memberi satu kebanggaan yang besar, yang agung kepada negara dan bangsa untuk masa-masa yang akan datang. Ini semua akan dibentuk melalui integrasi nasional, melalui perpaduan kebangsaan yang digagaskan oleh negara dan pemimpin kita, maka kalau perkara-perkara ini tidak dapat diselaraskan, tidak mungkin satu hari kita akan dapat menjayakan satu kebudayaan kita sendiri, satu bentuk kesenian kita sendiri. Apatah lagi untuk kita memajukan industri pelancongan. Jadi, usaha-usaha ini harus dilihat secara bijaksana, secara jangka panjang dan kita berharap ianya dapat dilihat secara terperinci dan bersungguh-sungguh oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya kena langkah kepada Maksud B.42 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya sempat berbual dengan Yang Berhormat Senator To' Puan yang baru kerana beliau merupakan orang lama, seperti kakak saya. Saya suruh beliau bercakap, dia kata "nanti dahulu", nanti next trip.

Saya ingin menyentuh berkenaan program kementerian berkenaan dengan penyusunan 'ibu tunggal'. Jadi, selain daripada 'ibu tunggal' kita ada lagi satu iaitu 'ibu tinggal'. 'Ibu tunggal' maknanya, mungkin suaminya meninggal dunia ataupun bercerai dengan cara rasmi. Ada lagi 'ibu tinggal', maknanya dalam Bahasa Melayu 'gantung tidak bertali'. Jadi, suasana ini harus diberi satu perhatian. Walaupun kerajaan memang peka kepada perkara ini, tetapi satu bentuk penyusunan bantuan secara mutlak dan serta-merta haruslah digerakkan oleh kementerian ini. Kadang-kadang penyeksan yang

dihadapi oleh 'ibu tunggal' dan 'ibu tunggal' ini begitu lama, melalui prosedur kerajaan yang panjang, kerana tidak ada satu dasar yang konkrit, yang sepatutnya dilihat sebagai satu perkara penting. Ini penting kerana kadangkadangkang berkaitan dengan basic needs atau perkara-perkara yang memerlukan pembelaan kerajaan secara bersungguh-sungguh, terutama sekali perkara-perkara yang berkaitan dengan basic needs, dengan izin, seperti perumahan, apatah lagi jika ibu tunggal itu berada di bandaraya, ibu tunggal yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Ini termasuklah juga perumahan dan pendidikan anak-anak yang tinggal bersama-sama dengan ibu tunggal ataupun ibu tunggal mereka.

Saya berkeyakinan kementerian dan Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang secara kebetulannya merupakan seorang aktivis wanita, sudah pasti mempunyai program tersendiri, tetapi sebagai salah satu daripada cadangan pada hari ini supaya ianya dapat diperkukuhkan institusi ataupun satu program secara jangka panjang dan serta merta kepada ibu tunggal dan ibu tunggal yang memerlukan pembelaan daripada pemimpin dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kebetulan Timbalan Menteri Penerangan ada di hadapan kita, saya pun ada hendak bercakap sedikit, kerana tadi Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail pun ada bercakap, Kementerian Penerangan mutakhir ini diserang bertalu-talu dengan konflik ataupun kekuatan yang berlaku di dalam program-program televisyen melalui saluran-saluran seperti Astro, TV3 dan sebagainya. Tetapi apa yang lebih

penting kepada Kementerian Penerangan, kalau dahulu selepas kita mempunyai permasalahan besar, ketika ada pertandingan yang hebat di antara dua tokoh dan memang tokohnya ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Pada tahun 1997, Kementerian Penerangan sudah turun ke padang untuk membuat satu program yang mendapat tindakan daripada rakyat iaitu Semarak. Jadi, pada hari ini kita lihat rakyat datang dan bangun dengan spontan, dengan sendiri untuk menyatakan pendirian mereka. Misalnya dihari merdeka kita dapat lihat bendera sama ada besar, sederhana ataupun kecil dipasang di merata-rata.

Sebagai warganegara dan rakyat, kita merasa bangga kerana mempunyai rakyat yang bertanggungjawab, yang telah memmanifestasikan kecintaan mereka kepada negara melalui meletakkan bendera sama ada di rumah, di kedai dan di pejabat, apatah lagi di kenderaaan-kenderaaan mereka. Tetapi apabila kita bercakap mengenai masalah pemimpin negara, kita lihat akar umbi sedang membicarakan perkara-perkara yang banyak tidak dapat difahami.

Kita ada Jabatan Penerangan di peringkat daerah, banyak meletakkan diri mereka dari segi keperluan politik tempatan semata-mata, jadi dasar negara tidak dapat diterjemahkan di akar umbi dengan baik. Jadi, kita berharap Kementerian Penerangan dapat menyusun program kepada Jabatan-jabatan Penerangan melalui pegawai-pegawai yang dilantik supaya dapat menterjemahkan apa jua hasrat dan citarasa pimpinan negara supaya rakyat dapat menerima pandangan ataupun menerima perkara-perkara yang berlaku

untuk negara kita. Jadi, rakyat harus didedahkan dengan program-program secara bersepadu dan secara menyeluruh serta kualiti pembantu khas penerangan harus dilihat bukan sahaja dalam bentuk political will sahaja, tetapi harus dilihat dalam mutu untuk mendekatkan kerajaan dan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat. Kalau zaman saya kecil dahulu - ada notiskah tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengikut Dato' Timbalan Presiden Kelab dia nampak saya. Jadi, saya berharap Kementerian Penerangan dapat melihat perkara ini moga-moga ianya dapat memberi pendekatan yang menyeluruh, supaya program rakyat cintakan negara, rakyat cintakan pemimpin dapat diperkukuhkan melalui program penerangan.

Saya berkeyakinan Kementerian Penerangan sudah mempunyai program-program tertentu, tetapi cadangan ini harus dilihat dalam bentuk yang lebih menyeluruh, moga-moga ianya dapat memberi faedah untuk negara kita dari segi jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya iaitu berkenaan dengan Kementerian Kerja Raya. Berkenaan dengan Kementerian Kerja Raya, kita membicarakan masalah Jabatan Kerja Raya. Jabatan Kerja Raya ini telah lahir dengan nama PWD sebelum merdeka dan JKR ini telah menjadi pengurus yang amat baik kepada kerajaan dalam melaksanakan dan mengurus projek-projek sama ada jalan, bangunan dan sebagainya.

Saya ada membuat sedikit pemerhatian kepada peranan Jabatan Kerja Raya. Jabatan Kerja Raya sudah kehilangan fungsi yang agak banyak. Kalau dahulu Jabatan Kerja Raya mempunyai fungsi yang luas, tetapi sekarang Majlis Daerah telah mengambil sebahagian daripada fungsi Jabatan Kerja Raya. Kalau kita melihat woksyop pun telah diswastakan dan sebahagiannya diambil alih oleh Majlis Tempatan. Begitu juga kuari yang di bawah tanggungan dan pengurusan Jabatan Kerja Raya juga telah diswastakan, telah keluar dari tanggungjawab asas Jabatan Kerja Raya, seperti high way, jalan dan sebagainya, telah diambil oleh pihak swasta dan telah diurus oleh Lembaga Lebuhraya.

Kita lihat Jabatan Kerja Raya ini sudah mengecil fungsinya dan kita mempunyai kakitangan profesional di Jabatan Kerja Raya, hampir di antara sekitar 1,200 hingga 1,300 orang jurutera, arkitek dan sebagainya. Fungsi Jabatan Kerja Raya hanya menumpukan kepada pengurusan Kementerian Pertahanan, hospital, sekolah dan satu dua lagi, seperti jalan-jalan kecil. Oleh hal yang demikian, lima tahun yang lalu saya membaca bahawa kerajaan akan mengkorporatkan dan menswastakan Jabatan Kerja Raya, sesuai dengan bebanan yang berat dan besar oleh negara. Maka saya mencadangkan supaya JKR ini dapat dikorporatkan ataupun diswastakan dengan sebaik mungkin supaya beban kerajaan yang berbilion Ringgit setahun dari pengurusan dan kita dapat melahirkan sebuah organisasi negara kita yang mempunyai profesionalism yang besar sebagaimana negara mahu mengeksport expertise atau kepakaran ke luar negara. Mungkin dengan profesionalism yang ada

dalam Jabatan Kerja Raya apabila ia berdikari melalui sistem pengkorporatan ataupun penswastaaan, kita yakin JKR akan menjadi sebuah organisasi yang profesional dan besar serta mampu mewakili negara untuk menjalankan kerja-kerja besar di negeri China, Amerika, Australia - Dato' Haji Mohd. Zuki, sebab Yang Berhormat tiap-tiap minggu pergi ke Australia. Jadi, kita dapat melahirkan sebuah organisasi yang besar seperti kita dapat untung daripada TNB dan juga Telekom. Jadi, bagaimanakah gerak kerja mereka? Ini semua harus dilihat sebagai menyumbang satu produktiviti yang tinggi untuk negara. Sekiranya cadangan ini bersesuaian, kita berharap Jabatan Kerja Raya dapat dikorporat atau diswastakan. Tetapi saya ingin mengingatkan satu apabila dikorporatkan dan diswastakan, biasanya berlaku usahawan bumiputera, kontraktor bumiputera yang selama ini bergantung 90% dengan Jabatan Kerja Raya tidak harus dipinggirkan.

Saya memberi amaran juga kepada kerajaan, walaupun kita korporatkan dan swastakan seperti TNB, Telekom dan lain-lain termasuklah JKR - insya-Allah akan diswasta dan dikorporatkan. Kita mahu dasar kerajaan terus membela kontraktor dan usahawan bumiputera perlu dipertahankan sebagai dasar kerajaan.

Saya dengan ini mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan dan saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997)(No.2) 1997.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Menteri - ada yang hendak bercakap lagi. Jemputlah Yang Berhormat.

5.46 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang kepada saya untuk turut bangun membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan)(No.2) 1997.

Walaupun saya sedar bahawa saya diberi peluang yang pendek untuk membahaskan Rang Undang-undang ini, kerana Timbalan Kelab Senator mungkin telah pun memberikan ingatan kepada kami semua, tetapi oleh kerana mungkin peluang ini adalah peluang yang terakhir bagi saya dalam Penggal Pertama sebagai Ahli Dewan Negara ini, saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Saya berharap Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki boleh bersabar. Saya cuma mengambil masa yang sesingkat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kewangan adalah sumber yang perlu bagi menjayakan rancangan dan program yang diatur. Ia adalah alat yang harus dikendalikan dengan bijaksana oleh manusia, yang menentukan kejayaan dan kesejahteraan dunia sejagat dan seluruh makhluk di muka bumi ini. Jika peruntukan ataupun wang itu dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya, sudah tentu ia akan membawa kebahagiaan kepada kita semua.

Pengaruh 'RM' ataupun wang memang hebat. Alat ini ada ketikanya dapat mempengaruhi tindak-tanduk manusia sehingga tanpa disedari kita menjadi hamba kepada wang. Mari kita merenung beberapa insiden terdekat yang membuktikan kata-kata saya tadi "Kematian Puteri Diana - Puteri Wales" adalah kerana tindakan Paparazzi yang memburu Diana dan Dodi untuk mendapatkan berita sensasi demi wang. Bila wang menjadi kayu pengukur pada tindakan manusia, maka segalanya tidak penting dan akhirnya manusia akan menerima kecelakaan.

Jerebu menimpa negara kerana apa? Jika tidak kerana setengah-setengah pihak yang mementingkan wang cuba mengurangkan kos urusan mereka untuk membina estet-estet mereka dengan membakar hutan sehinggakan tindakan mereka ini telah mengakibatkan berbagai-bagai kemusnahan di dunia ini. Beberapa buah kapal telah pun berlanggar, kereta berlanggar di daratan dan kapal terbang jatuh semata-mata kerana manusia mengejar kepada wang.

Krisis mata wang juga kerana apa? Jika tidak kerana kuasa dan juga kuasa untuk apa jika tidak mencari laba bagi diri sendiri, bagi kelompok, blok, malah bagi negara-negara mereka yang tertentu. Dalam kehidupan seharian juga kita dapat melihat barang siapa yang meletakkan wang sebagai raja menguasai tindak-tanduk mereka, maka mereka akan mencipta dan menuju kepada kehancuran.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya berhujah demikian, seolah-olah wang itu berhantu, tetapi hakikat sebenarnya, yang ingin saya jelaskan, wang

itu adalah alat yang harus dikendalikan oleh manusia ciptaan Allah S.W.T yang diberi akal fikiran, naluri, pertimbangan yang wajar dan insya-Allah jika diuruskan dengan penuh ketakwaan akan mendapat keberkatan Allah S.W.T. dan akan menyumbang kepada kesejahteraan umat sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya setelah permohonan peruntukan belanjawan tambahan ini diluluskan, individu-individu yang diberi tanggungjawab untuk mengendalikannya dapat mengendalikan peruntukan ini sebaik-baiknya. Itulah harapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh secara khusus beberapa perkara yang telah pun dibentangkan di dalam peruntukan tambahan ini. Yang pertamanya ialah Maksud B.1 - Parlimen. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih di atas usaha-usaha pihak kerajaan yang telah pun memberikan penyelarasan elaun kepada Ahli-ahli Parlimen.

Kita amat bersyukur dengan penyelarasan yang telah diberi dan insya-Allah saya kira semua kita yang telah menerima manfaat ini akan memanfaatkan penyelarasan demi untuk negara, bangsa yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap melalui penyelarasan ini akan dapat memberikan satu imej yang baik kepada Ahli-ahli Parlimen, kerana sebelum ini saya pernah ditanya oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan berapa sebenarnya elaun Ahli Parlimen? Pegawai tinggi kerajaan berkenaan menyatakan bahawa semasa dia bekerja di Parlimen, elaun Ahli Parlimen hanya di dalam lingkungan RM1,000 lebih, ini mungkin satu ketika yang lalu. Ini menyebabkan kadang-kadang sebagaimana yang saya sebutkan tadi ada

setengah-setengah pihak melihat 'RM' di hadapan. Apabila melihat elau Ahli-ahli Parlimen tidak seberapa, maka pandangan, fikiran dan juga penampilan Ahli-ahli Parlimen tidak diberi perhatian oleh setengah-setengah pihak. Pada hal, pada hakikatnya yang penting bagi kita bukannya gaji, yang penting bagi kita bukan pendapatan, yang penting bagi kita bukan nilai, tetapi yang penting bagi kita adalah perkhidmatan, kesungguhan, kecintaan dan ketelusan kita dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B.1 iaitu Parlimen ini, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan, dari segi kedudukan mengenai protokol di antara Ahli-ahli Parlimen, Dewan Negara/Dewan Rakyat dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di peringkat negeri. Kadang-kadang perkara ini juga menimbulkan beberapa masalah, kerana kita masih lagi keliru dengan kedudukan protokol yang sebenarnya.

Bagi saya daripada Perlis, misalnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam ucapan-ucapan, di dalam penyusunan-penyusunan yang dibuat, selalunya meletakkan Ahli Dewan Negara lebih dahulu daripada Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Saya kira oleh kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar kami pernah menjadi Chairman Backbenchers, maka kemungkinan beliau merasakan bahawa perlu penyusunan ini mengikut peraturan ataupun akta yang sebenarnya, tetapi perkara ini tidak diikuti walaupun di negeri sendiri, di mana-mana ataupun di tempat-tempat lain, di negeri-negeri yang lain juga saya rasa masih ada lagi kekeliruan dalam soal ini. Saya tidak menyebutkan perkara ini kerana hendak meletakkan protokol

dan Ahli Dewan Negara lebih awal, kerana bagi saya, saya akan bersara tidak lama lagi, mungkin 8 haribulan adalah merupakan tarikh akhir saya berada di Dewan ini. Tetapi saya merasakan bahawa sebagai sebuah negara yang berdaulat, kita mempunyai perlembagaan yang telah pun menentukan bahawa kedudukan Upper House dan Lower House. Dalam soal ini kita dapati masih ramai lagi yang keliru dan di dalam satu seminar telah pernah disebutkan oleh seorang Penasihat Undang-undang Negeri bahawa Ahli Dewan Negara adalah merupakan rubber stamp. Ini disebutkan oleh seorang pegawai tinggi kerajaan.

Selama tiga tahun saya berada di Dewan ini, saya dapati bahawa rakan-rakan Ahli-ahli Dewan Negara yang memberi pandangan dan juga pendapat kepada bil-bil yang dibentangkan telah pun berusaha bersungguh-sungguh, setengah-setengahnya menjalankan kajian-kajian dan juga mengemukakan pendapat-pendapat yang saya kira dapat memberikan sumbangan kepada negara. Jadi, dalam soal menyebutkan bahawa Dewan Negara sebagai rubber stamp, Dewan Rakyat sebagai tempat pertelagahan di antara kerajaan dan juga pembangkang, ini saya rasakan adalah satu pandangan yang agak singkat.

Untuk membawa negara kita ke era yang lebih maju, untuk kita sama-sama berusaha menaikkan imej negara, menggunakan Dewan yang mulia ini untuk kita sama-sama memerah buah fikiran, untuk kita memberi pandangan-pandangan yang dapat memberikan sumbangan kepada negara, saya fikir kita haruslah melihat bahawa Dewan sama ada Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri adalah merupakan tempat di mana kita semua dapat mengkaji sehalus-halusnya dasar-dasar dan juga cadangan-

cadangan yang dikemukakan oleh pihak kerajaan untuk pembangunan rakyat dan negara. Oleh yang demikian, bukan sahaja saya menyebutkan soal protokol, tetapi juga dalam menentukan mereka yang hadir.

Saya percaya kerajaan telah pun meneliti sehalus-halusnya dan memilih mereka yang ditempatkan di dalam Dewan ini untuk menanggung dan juga untuk menunaikan tanggungjawab yang telah pun diberi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sebutkan di sini adalah mengenai bangunan Parlimen ini sendiri dan kawasan sekitarnya. Saya kira kawan-kawan dan juga rakan-rakan yang lain telah pun menyebutkan mengenai adanya tempat-tempat ataupun ada lagi kawasan-kawasan atau area-area yang boleh kita perbaiki dalam Dewan ini, supaya penampilan Dewan ini sebagai tempat membuat undang-undang dan juga sebagai satu rumah, yang menjadi rumah yang utama dalam negara kita ini dapat kita tampilkan sebaik mungkin.

Saya mengucapkan tahniahlah kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Tuan Yang di-Pertua kita kerana setahu saya di sekeliling Dewan ini ada memelihara rusa, binatang lain dan sebagainya. Saya kira penampilan Parlimen sebagai satu tempat yang mencintai alam patut ditampikan. Begitu juga dengan keadaan sekitar Dewan Parlimen ini atau bangunan Parlimen ini, landskap serta tanam-tanaman, tumbuh-tumbuhan dan juga binatang-binatang peliharaan di kawasan Parlimen ini harus diberi perhatian yang sewajarnya kerana di Dewan Parlimen inilah tempat kita menerima lawatan-lawatan daripada negara-negara luar.

Sebagaimana saya sebutkan, saya pernah melawat beberapa dewan Parlimen di negara-negara luar, saya tidak mengatakan bahawa bangunan Parlimen kita tidak cantik. Bangunan Parlimen kita juga setanding, namun masih ada lagi ruang-ruang dan juga peluang-peluang untuk kita memperbaiki Parlimen ini. Kita berharap dari masa ke semasa bangunan Parlimen dan kawasan Parlimen ini akan dapat dipertingkatkan dan dibaiki setanding dengan bangunan-bangunan korporat dan juga setanding dengan kawasan-kawasan yang dimiliki oleh pihak-pihak korporat, supaya bukan sahaja selesai kita. Tetapi penampilan kita sebagaimana saya sebutkan tadi, penampilan kita sebagai mencintai alam dapat kita perlihatkan di kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri. Kita mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri kerana peranan Jabatan Perdana Menteri ini telah dapat menaikkan nama Malaysia kita dihormati dan kita melihat program-program yang disusun, di Jabatan Perdana Menteri sama ada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke luar negara ataupun lawatan pemimpin-pemimpin daripada luar negara ke Malaysia sentiasa ada dan juga kerap berlaku.

Kebanyakan ketua-ketua negara yang datang ke Malaysia, kita belum dengar lagi ada yang menyebutkan bahawa mereka tidak mendapat layanan dan sebagainya. Ini terbukti oleh kerana selepas ketua-ketua negara datang ke negara kita diikuti dengan rombongan-rombongan yang lain.

Saya juga pernah ke Jabatan Perdana Menteri, saya melihat sebahagian pegawai-pegawai di Jabatan Perdana Menteri bekerja bukan ikut 8 pagi hingga

4.15 petang, tetapi pada pukul 5 petang atau 6 petang mereka masih ada lagi bertugas di Jabatan Perdana Menteri.

Saya tidak tahu mungkin ada sebahagian kecil sebagaimana jabatan-jabatan yang lain, tetapi kalau kita pergi ke Jabatan Perdana Menteri yang ada di sekeliling Perdana Menteri, kita melihat sama ada PAnya ataupun siapa sahaja, mereka bertugas tidak kira siang dan malam. Ini adalah sebagai satu contoh yang patut diikuti oleh jabatan-jabatan yang lain.

Saya kira kita berjaya kerana kita bekerja keras, kerana kita menumpukan kerja-kerja yang diamanahkan, kreatif dalam menjalankan kerja, bukan sahaja kita bekerja menggunakan fikiran, tetapi meletakkan perasaan kita kepada bidang tugas yang berkenaan. Sebab itulah Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Luar Negeri, kalau saya tidak sebut Kementerian Luar Negeri ini, mungkin tidak adillah juga kementerian-kementerian lain yang membantu dalam soal ini telah pun dapat membawa dan menaikkan nama Malaysia di segenap rantau di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu permohonanlah yang hendak dikemukakan dalam soal ini, kalau dapat kita timbangkan dan dibawa oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan yang mewakili kementerian di sini. Kita berharap jika ada lawatan-lawatan daripada luar negara, Ahli Dewan Negara dan juga Ahli Dewan Rakyat dijemput bergilir-gilir, memang ada jemputan, tetapi tidak selalu dan kadang-kadang kita ketinggalan. Dengan cara ini, kita berharap mereka yang diberi tanggungjawab ini akan dapat mempunyai pendedahan yang lebih luas dan mereka berpeluang

mendengar ucapan, berjumpa dengan rakan-rakan daripada negara-negara luar. Saya tidak menyebutkan ikut Perdana Menteri keluar negara kerana sekarang kita tidak membenarkan lagi rakyat Malaysia, kalau tidak ada satu urusan yang penting untuk keluar negara, tetapi di dalam negara kita berharap Ahli Dewan Negara dan juga Ahli Dewan Rakyat dijemput bergilir-gilir. Walaupun jauh, tetapi kalau ada jemputan sudah tentu kita akan menghargai jemputan tersebut dan akan hadir bersama-sama dalam majlis-majlis yang diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi iaitu mengenai dengan Hari Kebangsaan. Saya bersetuju dengan pandangan -pandangan yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi, cuma satu saya ingin menyebutkan di sini. Saya agak bimbang kerana sekarang ini kita melihat semangat patriotisme rakyat Malaysia, saya bimbang ia akan terhakis, kerana kita tahu, kita mendapat kemerdekaan di negara kita dan membebaskan negara kita daripada belenggu penjajahan dengan semangat patriotisme. Kita ada tokoh-tokoh yang terkenal seperti Mat Kilau, Dato Sago dan banyak lagi tokoh yang tidak dapat saya sebutkan, yang memperjuangkan kemerdekaan kita dan rakyat Malaysia ataupun Tanah Melayu pada waktu itu memperjuangkan kemerdekaan dengan semangat patriotisme.

Kita masih dapat mendengar lagi pemimpin-pemimpin yang lama apabila mereka bercakap menceritakan soal bagaimana susah kita hendak mencapai kemerdekaan. Saya bimbang pada hari ini generasi baru yang ada, anak-anak kita yang ada lahir dalam keadaan masyarakat yang mewah, sebagaimana saya sebutkan dua hari yang lalu, tujuh tahun kita menghadapi

kemewahan, anak-anak kita hidup dalam keadaan yang mewah, semangat patriotisme ini sudah berkurangan. Bukan sahaja di kalangan anak-anak, tetapi kita bimbang juga di kalangan mereka yang masih lagi produktif.

Tuan Yang di-Pertua, soal rasuah berlaku kerana apa? Kerana kita kurang iman dan juga kita kurang semangat patriotisme. Soal rasuah ini bukan soal yang kecil, kerana saya melihatkan keadaan ini berlaku di semua peringkat. Pernah bila saya tinggal di hotel misalnya pekerja-pekerja yang mengedarkan keperluan-keperluan hotel seperti sabun, shower cap dan sebagainya. Apabila kita tinggal di dalam bilik, kita lihat kotak itu ada, tetapi sebenarnya dalamnya kosong, tidak ada apa, ke mana perginya barang-barang ini kalau tidak diambil, dijual, diseludup, kerana cuba hendak mendapatkan wang. Itu sebabnya di peringkat awal ucapan saya tadi menyebutkan jika 'RM' menjadi tuhan kepada kita, maka kita akan menuju kepada kehancuran.

Soal patriotisme ini juga saya ingin sandarkan kepada soal keimanan. Kita harus memikirkan bagaimana kita dapat melahirkan, bagaimana kita dapat membentuk rakyat Malaysia yang mempunyai keimanan yang kukuh, yang mempunyai semangat patriotisme, yang meletakkan kepentingan bangsa, kepentingan negara, kepentingan-kepentingan yang lain mendahului daripada kepentingan diri. Jika kepentingan diri ini diletakkan di hadapan sudah tentulah kita akan menghadapi kemusnahan. Dalam kita menghadapi serangan kewangan ini juga, kita ada melihat setengah-setengah pihak yang selama ini menikmati, kesenangan, kebahagiaan dan kaya-raja dengan dasar dan juga dengan keadaan negara kita hari ini apabila kita susah sedikit sudah mula

berpaling tadah, tidak ada semangat patriotisme, tidak sanggup berkorban sedikit pun untuk menentukan masa depan negara terus kukuh dan utuh.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap kerajaan memikirkan bagaimanakah caranya program yang dapat diatur untuk kita meningkatkan semangat patriotisme ini kepada rakyat Malaysia kerana bukan sahaja kita sekarang ini dalam keadaan - satu ketika dalam keadaan yang senang. Walaupun kita tidak ada penjajahan, walaupun kita bukan miskin, tetapi kita hendak rakyat Malaysia dalam keadaan kita membangun, dalam keadaan kita maju, kita mempunyai semangat yang kental. Kekuatan dalaman yang kuat untuk kita bersama-sama berganding bahu untuk kita menjayakan wawasan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tadi tidak berhajat untuk bercakap panjang. Yang akhir sekali, yang ingin saya sebutkan di sini dan inilah yang sebenarnya yang ingin saya kemukakan di Dewan ini iaitu mengenai Jabatan Audit dan juga Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Kementerian Pertanian peruntukan yang dicadangkan adalah peruntukan untuk subsidi bagi baja padi. Sekarang ini subsidi baja padi telah pun ditukar kepada skim bantuan baja. Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana kerajaan masih lagi memberikan peruntukan untuk subsidi baja padi ini ataupun skim bantuan baja. Setengah pihak menyatakan dan kita selalu mendengar bahawa petani mempunyai mentaliti ataupun masyarakat subsidi. Saya fikir ini adalah satu telahan yang tidak tepat. Sebenarnya subsidi baja padi diberikan kepada petani, tetapi bukan untuk petani, sebenarnya adalah untuk pengguna, untuk kita semua kerana petani-

petani yang mengeluarkan padi-padi ini dikontrol harga jualannya. Begitu juga dengan beras yang kita makan harganya dikawal. Jika subsidi baja padi tidak diberi, padi dijual oleh petani dalam open market ataupun dibenarkan harga meningkat, sudah tentu kita akan membeli beras dengan harga yang mahal. Dengan adanya subsidi baja padi, beras dikawal bermakna bahawa subsidi baja padi ataupun sekarang ini ditukar kepada skim bantuan baja adalah untuk kita semua, untuk pengguna, semua pihak menikmati hasil daripada bantuan kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan di sini bahawa melalui program yang telah pun dijalankan sejak tahun 1979 sehingga sekarang ini, kita telah dapat melalui program bantuan baja ini, kita telah dapat meningkatkan hasil keluaran padi sebanyak 48.5%. Ini menunjukkan bahawa program ini telah pun mencapai kejayaannya sama ada dalam hasrat untuk kita meningkatkan pengeluaran makanan dan juga hasrat kita untuk menambah pendapatan kepada petani-petani. Dalam keadaan itu pun kita cuma mampu mengeluarkan keperluan makanan ataupun padi sebanyak 70% sahaja. Kita masih lagi bergantung kepada luar sebanyak 30%. Kalau dilihat daripada segi angka jumlah keluasan, sejak dikeluarkan subsidi bantuan baja, sekarang ini telah pun meningkat. Jika kita lihat pada tahun 1995 keluasannya 495,542 hektar, tahun 1997 telah menjadi 501,000 hektar. Ini menunjukkan bahawa galakan untuk mengusahakan sawah ini memang berlaku. Begitu juga dari segi jumlah peningkatan hasil tadi, saya rasa tidak perlu saya bacakan untuk

meringkaskan waktu, tetapi sekali lagi saya hendak menyebutkan bahawa kita telah dapat meningkatkan hasil 48.5%.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hasil padi di negara kita boleh ditingkatkan - tidak mustahil. Apa yang kita sedang buat sekarang ini tidak menunjukkan bahawa kita telah pun sampai ke satu tahap yang begitu berjaya kerana kalau kita lihat dari segi pengeluaran hasil di Sarawak, cuma dapat mengeluarkan 1.5 tan. Di kawasan MADA mungkin 3.5 tan, tetapi di Kelantan hanya 2.3 tan hingga 2.5 tan, sedangkan Sekinchan telah pun dapat mengeluarkan 9 tan. Setiausaha Parlimen mengangguk - 9 tan. Oleh yang demikian, bererti untuk kita meningkatkan hasil di negara kita supaya keperluan makanan negara 100% boleh dikeluarkan dalam negara at anytime, dengan izin, kita boleh mengeluarkannya, kerana sekarang ini purata hasil sebanyak 3.5 tan per hektar, pada hal Sekinchan - 9 tan. Soalnya kenapa kita tidak dapat meningkatkan hasil ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bantuan baja yang kita berikan kepada petani-petani yang selalu digambar-gemburkan oleh setengah-setengah pihak bahawa tidak perlu ada subsidi dan sebagainya. Ini bukan merupakan bantuan yang begitu - saya tidak sebut nilainya tinggi, tetapi jenis baja yang diberi itu terlalu tradisional. Sebenarnya negara-negara lain tidak lagi menggunakan baja padi yang demikian, kerana kita hendak mengurangkan kos, at minimum cost, sebab itulah pada pandangan saya baja yang sedemikian yang diberikan kepada petani-petani iaitu kita memberikan urea dan juga baja campuran.

Tuan Yang di-Pertua, baja campuran di dalamnya ada nitrogen, potash dan kalium (NPK). Baja campuran ini bila ditabur urea sahaja ia akan terus menghurai, tidak sempat pun dimakan atau tidak sempat dimanfaatkan oleh padi. Begitu juga dengan kalium atau potash saya pun sudah lupa, kerana sudah lama saya tinggalkan pertanian ini. Kita menggunakan baja ini daripada batu, Christmas, Island, Rock Phosphate (CIRP) - batu, kita katuk batu itu dijadikan ia hancur, letakkan di dalam sawah dan ia akan release dalam masa 2 - 3 tahun dan padi tidak dapat menggunakan baja ini. Ini yang kita gunakan, is very traditional. Negara-negara lain misalnya Vietnam sendiri tidak menggunakan baja ini. Di Sekinchan mereka menggunakan baja kompaun, sebab itu mereka telah mendapat hasil sebanyak 9 tan per hektar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mengenai pengairan. Walaupun kerajaan telah mengeluarkan peruntukan untuk membina pengairan, tetapi pengairan di negara kita masih lagi terlalu tradisional. Sebab di negara-negara yang maju mereka sekarang menggunakan paip. Apabila paip dibuka air boleh dibekalkan. Saya boleh lagi bercakap panjang, tetapi saya bimbang Dato' Haji Mohd. Zuki di sebelah sana. Saya minta lagi 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah pihak kerajaan dalam soal pertanian ini sebagaimana pernah.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Menggeleng kepala]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki sudah geleng kepala, tidak dengar barangkali.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, saya minta sedikit sahaja lima minit lagi, kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh. Sila teruskan lima minit lagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pertanian ini nampaknya kerajaan jika hendak memberi bantuan terlampau berkira sangat. Tetapi dalam bidang-bidang projek mega yang lain, kerajaan mengeluarkan peruntukan yang begitu banyak.

Pada pagi tadi saya terbaca akhbar kos membaiki rumah Menteri Besar yang sekarang ini menjadi isu berjumlah RM5 juta - sebuah rumah, tetapi ini untuk petani di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang menjadi Ahli Majlis Peladang. Saya lihat dalam mesyuarat Ahli Majlis Peladang itu, pihak EPU begitu susah ataupun selalu mempertikaikan peruntukan-peruntukan yang diberi, saya berharap Dato' tolong perhatikan perkara ini, kerana kita perlukan makanan untuk negara. Kita import 9 bilion sekarang ini. Kalau diberi masa, saya ada angka, semua angka telah saya semak berkenaan dengan import barang-barang makanan di negara kita ini terlalu tinggi. Tetapi oleh kerana masa tidak mencukupi, saya tidak berhajat untuk menyebutkannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya sebutkan mengenai subsidi baja padi ini ialah dari segi limit ataupun keluasan ekar yang ditetapkan. Saya fikir tidak payahlah ada keluasan sebagaimana yang disebutkan tadi. Bantuannya adalah untuk pengguna. Sekarang ini ada enam ekar sahaja yang dibenarkan, tetapi pada hakikatnya semua peladang, semua

petani dapat, mereka terpaksa mendaftarkan nama anak dan sebagainya. Ini menyusahkan sahaja pegawai-pegawai yang menjalankan tugas. Saya harap pihak kementerian dapat mengkaji semula kerana keluasan ini juga tidak praktikal langsung. Kita menentukan keluasan yang tertentu, cuma menyusahkan sahaja dan saya dapati apabila saya tanya pihak-pihak yang melaksanakan program ini, saya dapati bahawa 100% sawah mendapat bantuan. Bagaimana mereka mendapat bantuan, pada hal setengahnya mereka membuat lebih ataupun mengerjakan lebih daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa ada denda-denda yang dikenakan kepada pihak NAFAS dan sebagainya yang mengendalikan program ini kerana kelewatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada pihak kementerian supaya kajilah semula, mungkin di luar Dewan saya boleh memberitahu kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya pernah bekerja di dalam bidang ini selama 14 tahun, jadi saya tahu betapa susahnyanya mengendalikan urusan subsidi baja padi ini, kerajaan cuma memperuntukkan baja, tetapi tidak memberi apa-apa pun pada Pertubuhan Peladang, hanya RM1 daripada tahun 1979 sehingga sekarang ini. Mereka atau institusi yang mengendalikan subsidi baja padi ini cuma diberi RM1 sahaja. Adakah logik dari tahun 1979 hingga ke hari ini tidak naik-naik, yang lain semua naik. Tetapi yang ini tidak naik, selepas itu ada lagi query, kenapa tidak buat itu, kenapa tidak buat ini dan saya difahamkan NAFAS akan didenda sebanyak RM18 juta, sedangkan kita dengar tadi PLUS hendak menuntut daripada kerajaan menaikkan tol. Jadi, perkara ini saya harap

pihak kementerian kajilah kalau hendak denda itu. Ini institusi peladang yang dimiliki oleh petani-petani seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa suntuk, walaupun banyak lagi sebenarnya saya hendak sebutkan dari segi pengeluaran makanan negara ini. Saya fikir banyak lagi perkara yang harus dikaji.

Kita berharaplah kepada kepada Kementerian Pertanian supaya dalam masa kita menghadapi kemelesetan ekonomi ini, mungkin kalau dahulu kita tidak terpendang soal sumber-sumber dalaman ini, kita harus melihat dan kita harus membuat kajian serta penelitian serta kita perbandingkan dengan negara-negara yang maju. Negara-negara yang maju mereka tidak mengenyepikan usaha-usaha pengeluaran makanan yang selamat dan makanan yang cukup untuk negara. Sebenarnya kalau dikaji dari segi keselamatan makanan kita, banyak yang tidak selamat. Kita begitu backward dari segi menentukan makanan tidak beracun, menentukan ikan yang kita makan tidak keracunan dan sebagainya - kita begitu kebelakang. Kenapa kita kebelakang? Adakah kerana kita tidak mampu melaksanakannya ataupun kerana dasar? Kalau kerana dasar kita harus mengkaji dasar tersebut. Kajilah institusi-institusi dan juga jabatan-jabatan yang terlalu banyak overlap di dalam Kementerian Pertanian ini yang akhirnya bukan sahaja mereka dapat membangunkan petani-petani, tetapi mereka berkrisis sesama sendiri, yang tidak membawa apa-apa pembangunan dan juga kebaikan kepada negara. Saya fikir eloklah dikaji dan saya mencadangkan juga kepada pihak kerajaan dan kepada pihak Kementerian Pertanian supaya Majlis Peladang itu dikaji

fungsinya supaya ia dapat memberikan perkhidmatan dan juga pandangan yang menyeluruh kepada semua petani. Buat masa sekarang ini diurusetikan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dan memang telah pun memberikan sumbangan yang baik, tetapi saya fikir bolehlah diperbaiki jika pihak kementerian sendiri mengambil inisiatif dan daya usaha menentukan supaya majlis ini dapat melihat secara global ke atas pembangunan sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan)(1997)(No.2) 1997. Saya pohon maaf, kerana saya sedar saya telah mengambil masa lebih 15 minit daripada yang dijanjikan. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya cuba hendak menghabiskan secepat mungkin, tetapi sebenarnya banyak perkara yang ingin saya sebutkan. Saya juga turut menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan.

6.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ding Seling, Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim, Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin, Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, Yang Berhormat Puan Hajah

Ramlah binti Kassim, Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim, Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hasan dan Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah binti Husin di atas pandangan-pandangan dan perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan)(1997)(No.2) 1997 di Dewan Negara ini.

Ingin saya nyatakan di sini, buat pertama-tamanya segala pandangan ini saya rekodkan dan apabila kita memohon peruntukan tambahan nanti di sesi yang akan datang selalunya saya hendak bertanya kepada jabatan-jabatan dan kementerian yang berkenaan sama ada teguran-teguran telah dibuat dan telah diambil ingatan serta perhatian. Contohnya kalau kita hendak mengadakan Sekolah Bestari misalnya ramai yang mengatakan apa guna kita mengadakan Sekolah Bestari sedang di kampung tidak ada elektrik. Jadi, apabila saya menjawab, kita akan bekerjasama bukan sahaja dengan Kementerian Pendidikan, tetapi juga dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kita akan mengadakan generator dan sebagainya. Saya akan follow through dan kita akan memberitahu di sesi yang akan datang bahawa perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu telah pun dijalankan.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin menerangkan dari segi dasar apa yang telah dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian saya akan mengambil ingatan dan banyak yang telah menyentuh perkara yang terperinci, bukan sahaja perkara dasar, tetapi juga perkara-perkara interpretasi mengenai dasar yang berkenaan.

Pada masa ini apa yang kita harapkan ialah supaya dapat kita menyamakan iaitu permohonan ataupun demand disegi guna tenaga. Dahulu guna tenaga atau demand kita ialah 3.2%, tetapi supply kita ialah cuma 2.8%. Jadi kekangan ini berlaku dan oleh kerana kita maju, banyak pembangunan yang telah dibuat, tidak ada jalan lain hanya mengimport. Inilah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman bahawa sekarang sudah ramai pendatang asing. Sekarang apa yang kita lakukan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah kita akan cuba menemukan di antara supply and demand, dengan izin. Demand kita ialah 2.8% dan supply kita ialah 2.8% cuma lokasi sahaja. Oleh kerana guna tenaga ini mobile kita akan cuba mendapatkan satu directory yang tepat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya menyatakan di dalam perkara ini bahawa banyak perkara yang telah berlaku apabila ada kekangan ramai pendatang asing datang, maka timbullah masalah-masalah yang dibangkitkan bahawa tidak ada penyelarasan di antara Jabatan Tenaga Rakyat dan juga imigresen. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Tuan Ding Seling.

Sukacita saya menyatakan bahawa apa yang telah dilakukan di pihak Semenanjung bahawa kita satukan. Maknanya sekarang ini, Jabatan Tenaga Rakyat dan juga imigresen duduk di dalam jawatankuasa bukan seperti di Sarawak, maknanya ada yang diluluskan dan ada yang belum diluluskan. Jadi, ada pendatang asing yang datang itu tanpa permit dan sebagainya. Apabila mereka duduk dalam satu jawatankuasa, maka kita hendak melihat kalau di Semenanjung bahawa industri itu sendiri memohon dan apabila industri itu

memohon kepada imigresen, dia sendiri tahu berapa yang dia hendak. Tetapi apabila kita ada orang yang ketiga, orang yang keempat, apa yang berlaku dahulu ialah apabila mereka boleh pakat dengan pihak swasta, kalau misalnya personel manager kepada satu pihak swasta itu hendakkan 90 boleh ditokok satu '0' sahaja jadi '900' orang. Apabila diluluskan maka banyaklah orang datang masuk yang telah diluluskan, tetapi tidak ada tempat kerja. Maka mereka dihantar ke sana dan dihantar ke sini, tetapi sekarang ini kita hendakkan supaya orang-orang ini betul-betul dapat kerja dan betul-betul diluluskan oleh Jabatan Tenaga Rakyat (JTR) dan juga imigresen, maka jawatankuasa ini telah ditubuhkan.

Sepertimana yang telah kita katakan bahawa sekarang ini kita tidak ada mengimport pekerja-pekerja asing, tetapi cuma 'maid' sahaja, tetapi dengan adanya saranan daripada Perdana Menteri di Tokyo baru-baru ini, oleh kerana kita banyak mengeksport barang-barang kita, kemungkinan kita akan longgarkan balik.

Jumlah anak-anak yang tidak berdaftar, ini yang telah dibangkitkan dan setakat ini di Sarawak kita ada sebanyak 315 orang yang telah pun dilantik menjadi Timbalan Pendaftar Kelahiran dan Kematian, dengan adanya pegawai-pegawai seperti ini, kita harapkan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi akan dapat diatasi.

Mengenai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang telah dibangkitkan oleh ramai rakan kita, Yang Berhormat Tuan Haji Abdillah bin Abdul Rahim pun telah membangkitkan selain daripada Yang Berhormat

Tuan Ding Seling dan juga Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hasan. Perkara ini telah pun kita bincangkan dahulu bahawa kebudayaan nasional adalah berteraskan kepada kebudayaan peribumi. Walau bagaimanapun, oleh kerana kita adalah negara yang berbilang kaum, apa yang berlaku sekarang ini telah menarik perhatian orang luar, di mana orang Melayu pun boleh menari tarian Cina, orang Melayu juga boleh menari tarian India dan serba-serbinya bercampur-baur. Ini akan menuju kepada satu arah iaitu kebudayaan Malaysia. Tetapi terasnya ialah teras kepada peribumi.

Yang Berhormat Senator Tuan Ding Seling juga telah meminta kalau boleh nanti kita hendakkan infrastruktur seperti jalan, air bersih dan sebagainya. Ini kita akan teruskan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan juga kita akan tengok disegi 'Mid Term Review' nanti. Setakat ini kita telah mencapai infrastruktur 81.69% di Semenanjung Malaysia dan 64% liputan kita di Sabah dan 58% liputan kita di Sarawak. Kita mengharapkan nanti sedikit demi sedikit, perkara-perkara ini dapat kita atasi, selain daripada kita megatasi kemiskinan di negeri-negeri yang berkenaan.

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno telah pun meminta kita supaya R&D di bawah Kementerian Perusahaan Utama diperhebatkan, seperti klon dalam segi RRIM900 dan juga latex timber clone yang lain sedang diusahakan supaya dapat klon-klon biasa boleh diperbanyakkan dengan suntikan-suntikan klon-klon yang baru.

Mengenai masalah berjerebu yang telah dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat. Ada yang mengatakan bahawa CNN telah menayangkan

filem yang lama, sekarang ini jerebu sudah tidak ada, tetapi tidak dibiarkan. Jadi, Yang Berhormat Menteri Penerangan telah pun berjumpa dengan wakil CNN dan kita akan mendapat tempat di dalam liputan mereka. Begitu juga kita berharap nanti sepertimana yang dikatakan oleh Datuk Haji Sairin bin Karno supaya perkara ini dapat kita atasi dengan segera. Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga telah mengatakan bahawa bukan sahaja bas kita cat, tetapi kita mengharapkan di London dan di tempat-tempat lain di negara Komanwel sendiri seperti Kanada dapat kita menjalankan perkara yang sama.

Ramai juga Ahli Yang Berhormat yang telah membincangkan mengenai dengan BPR. Oleh kerana saya rasakan perkara ini amat penting dan akan kita perluaskan aktiviti, dengan adanya langkah baru, kita akan mengambil tindakan-tindakan yang perlu. BPR juga telah mengadakan banyak kursus kepada Jabatan-jabatan lain. Saya di Kementerian Kewangan selalu merasmikan kursus rasuah ini dengan Jabatan Kastam dan kita mengharapkan dengan adanya kursus-kursus seperti ini akan dapat kita mengatasi masalah-masalah 'RM' yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin tadi.

Mengenai patriotisme kebelakangan ini agak tipis. Kita berharap perkara ini kita akan mengambil tindakan sepenuhnya, terutamanya ialah mengenai membeli barang-barang kita sendiri. Ini merupakan juga semangat patriotisme kita dan kita mengharapkan ramai lagi rakan-rakan kita nanti apabila tiba waktu perayaan tidak akan membeli barang-barang luaran, tetapi

membeli barang-barang yang kita buat sendiri. Itu juga merupakan satu daripada patriotisme. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah 'kebulatan iman' bahawa kasihkan negara itu adalah setengah daripada iman dan dengan adanya perkara-perkara seperti ini kita akan cuba terapkan di dalam kursus-kursus BTN yang sedang kita jalankan.

Seperti yang dikatakan oleh Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Lembaga Hasil Dalam Negeri telah pun mengambil pembayaran yang lebih. Apa yang kita akan lakukan Yang Berhormat, pada masa yang akan datang, kita akan cuba membuat apa yang dikatakan 'self assessment' seseorang itu sama ada dia secara individu ataupun secara korporat. Dia akan mengisi borangnya sendiri dan cuba menilai pendapatan mereka, selepas itu dihantar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Lembaga Hasil Dalam Negeri cuma akan membuat secara rambang sahaja dan kita akan cuba mengecilkan peruntukan atau duit yang telah kita ambil itu. Jadi, dengan adanya self assessment ini, saya rasakan nanti perkara ini dapat kita kecilkan.

Yang keduanya apa yang hendak dilakukan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri buat ketika ini ialah untuk mengurangkan anggaran kepada tiap-tiap orang. Apabila kita kurangkan sebanyak 20% misalnya, apabila kita bayar cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri maka di antara anggaran dan di antara yang nyata akan dapat kita kuncupkan.

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah dengan panjang lebar membincangkan mengenai Petronas. Saya telah mendapat jawapan yang teliti

di sini. Apa yang perlu saya lakukan nanti, saya akan membuat jawapan ini secara bertulis dan akan diberikan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, sepertimana biasa Petronas dan organisasi-organisasi yang lain akan cuba sedaya-upaya untuk memberikan kontrak kepada bumiputera yang berkelayakan sebanyak 30%. Tetapi kalau sesuatu area ataupun pengkhususan yang banyak seperti kontrak bumiputera, kita akan meningkatkan bukan sahaja setakat 30%, tetapi juga setakat 50%.

Mengenai dengan konsortium, Petronas tidak pernah menubuhkan konsortium untuk pelaksanaan projek-projek besar. Sebarang konsortium adalah ditubuhkan oleh pihak kontraktor sendiri yang telah dipilih. Jadi, kesemua kontrak EPCC diwartakan dan ditawarkan di Malaysia sendiri bukan di seberang laut. Oleh itu kontraktor yang berjaya menubuhkan konsortium akan menghubungi pakar-pakar di luar negara. Dalam permohonan tender yang memerlukan kontraktor-kontraktor asing, yang mempunyai kepakaran dan pengalaman untuk mengendalikan projek-projek besar, jadi Petronas telah meletakkan syarat sekurang-kurangnya 30% nilai dan projek yang ditawarkan kepada anak-anak syarikat bumiputera. Kalau misalnya ada keperluan yang lain, projek-projek yang lain akan dinaikkan kepada 50%. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya akan memberi jawapan mengenai perkara ini secara bertulis.

Banyak yang telah diperkatakan mengenai layanan hospital dan telah pun dijawab oleh Timbalan Menteri sebentar tadi. Tetapi apa yang ingin saya hujahkan di sini ialah kita akan cuba sedaya-upaya dari satu kementerian ke satu kementerian untuk meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai

melalui ISO9000 ataupun ISO9001 dan ISO9002. Jadi, tiap-tiap bulan September kita akan mengadakan satu gerakan untuk memberikan banyak lagi perkhidmatan yang canggih kepada orang ramai. Saya rasa di sini banyak maklumat yang telah saya berikan dan saya akan kumpulkan maklumat-maklumat yang telah diberikan ini dan akan diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat secara bertulis serta tindakan-tindakan susulan akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi memperuntukkan wang untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu telah disetuju tanpa pindaan. Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya memohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan)(1997)(No.2) 1997 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang dan akan disambung pada hari Isnin 8 Disember 1997 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.